



**KEFAHAMAN, PELAKSANAAN DAN KESESUAIAN KAEDAH DIDIK
HIBUR DALAM PENGAJARAN KEMAHIRAN MEMBACA BAHASA
MELAYU DI SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN**

Oleh

NORLELA BINTI AHMAD

Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

April 2022

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

KEFAHAMAN, PELAKSANAAN DAN KESESUAIAN KADEAH DIDIK HIBUR DALAM PENGAJARAN KEMAHIRAN MEMBACA BAHASA MELAYU DI SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN

Oleh

NORLELA BINTI AHMAD

April 2022

Pengerusi : Shamsudin bin Othman, PhD
Fakulti : Pengajian Pendidikan

Kemahiran membaca merupakan kemahiran asas Bahasa Melayu kepada murid sekolah rendah. Peranan guru dalam pengajaran kemahiran membaca menerusi kaedah didik hibur perlu dipertingkat bagi menghasilkan pembelajaran yang berkesan dan menyeronokkan. Kebanyakan guru bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) kurang menguasai kemahiran dan kaedah berkesan bagi pengajaran kemahiran membaca. Bagi menangani isu ini, kaedah didik hibur wajar dimanfaatkan dalam pengajaran. Berdasarkan fenomena ini, pengkaji mengambil inisiatif meneroka kefahaman guru terhadap kaedah didik hibur dalam pengajaran kemahiran membaca bahasa Melayu di SJK. Selain itu, kajian ini bertujuan untuk menghuraikan pelaksanaan kaedah didik hibur dalam pengajaran kemahiran membaca bahasa Melayu dan menganalisis kesesuaian aktiviti kaedah didik hibur dalam pengajaran kemahiran membaca bahasa Melayu. Penyelidikan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes ini dijalankan untuk mengenal pasti kefahaman, pelaksanaan dan kesesuaian kaedah didik hibur dalam pengajaran kemahiran membaca bahasa Melayu di SJK. Sampel kajian terdiri daripada enam orang guru bahasa Melayu dari Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC). Kajian ini melibatkan persampelan bertujuan dan penerokaan kes yang dikaji menggunakan pendekatan kajian satu kes di pelbagai lokasi yang dipilih memenuhi ciri-ciri tertentu berdasarkan objektif kajian. Data kajian diperoleh melalui kaedah triangulasi iaitu temu bual, pemerhatian PdP, dan analisis dokumen berkaitan. Data kajian dianalisis menggunakan perisian ATLAS.ti Versi 9.0. Dapatkan kajian penerokaan menjelaskan bahawa kesemua guru bahasa Melayu mempunyai kefahaman yang umum terhadap didik hibur, kemahiran membaca dan matlamat didik hibur dalam kemahiran membaca. Kefahaman didik hibur yang dikenal pasti merangkumi konsep VAKT, dan ciri-ciri didik hibur seperti santai, aman, bebas, dan wujudnya pembelajaran yang menarik dan bersemangat. Seterusnya analisis dapatkan kajian menghuraikan pelaksanaan kaedah didik hibur dalam pengajaran kemahiran membaca bahasa Melayu adalah bersesuaian dengan kemahiran membaca bahasa Melayu. Dapatkan kajian menyatakan bahawa guru bahasa Melayu telah

menggunakan didik hibur dalam PdP kemahiran membaca bahasa Melayu (70.83%) terutama dalam induksi set, langkah pengajaran dan penutup PdP. Namun demikian, didik hibur kurang dilaksanakan dalam sesi penilaian iaitu 9.72% sahaja. Analisis dapatan kajian bagi kesesuaian aktiviti kaedah didik hibur dalam pengajaran kemahiran membaca bahasa Melayu menjelaskan bahawa nyanyian (27.65%) dan permainan bahasa (27.65%) paling banyak dilaksanakan dalam pengajaran kemahiran membaca bahasa Melayu. Demikian juga analisis kesesuaian penggunaan didik hibur dalam kemahiran membaca bahasa Melayu mendapati Standard Kandungan (SK) 2.2: Membaca dan memahami perkataan, frasa dan ayat daripada pelbagai sumber dengan sebutan yang betul, SK 2.3: Membaca kuat pelbagai bahan bacaan dengan lancar, sebutan yang jelas dan intonasi yang betul dan SK 2.4: Membaca dan memahami maklumat yang tersurat dan tersirat daripada pelbagai bahan untuk memberi respons dengan betul didapati paling sesuai menggunakan kaedah didik hibur kemahiran membaca bahasa Melayu terutama kemahiran membaca mekanis. Dapatan kajian objektif kedua dan objektif ketiga mendapati Teori Skemata dan Model SAVI menyokong pengajaran guru dalam kemahiran membaca bahasa Melayu dengan membina skema baharu untuk selesaikan skema terdahulu dalam pembelajaran menyeronokkan (didik hibur) bagi pengekalan ingatan murid. VAKT yang terkandung dalam Model SAVI mewujudkan unsur-unsur yang menimbulkan rangsangan pembelajaran. Penemuan kajian menghasilkan kesimpulan bahawa pembelajaran berkesan berlaku apabila murid seronok yang seterusnya membawa kepada perkembangan kognitif murid. Perumusan implikasi kajian ini menekankan usaha ke arah meningkatkan kefahaman guru tentang konsep, ciri dan jenis didik hibur yang sesuai. Kajian ini memberi sumbangan dalam menyediakan maklumat empirikal yang terperinci tentang kesediaan guru bahasa Melayu untuk membuat penamaan pelaksanaan kaedah didik hibur dalam pengajaran kemahiran membaca bahasa Melayu yang berkesan.

Kata kunci : kemahiran membaca, kaedah didik hibur, pengajaran dan pembelajaran

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of
the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**UNDERSTANDING, IMPLEMENTATION AND SUITABILITY OF FUN
LEARNING METHOD IN TEACHING READING SKILL IN MALAY
LANGUAGE IN VERNACULAR SCHOOLS**

By

NORLELA BINTI AHMAD

April 2022

Chairman : Shamsudin Othman, PhD
Faculty : Educational Studies

Reading skill is the basic skill in Malay language for pupils in primary schools the process learning. The role of the teacher in teaching reading skill through fun learning method has to be upgraded in order to create effective and fun learning. Most of Malay language teachers in vernacular schools lack the skill in effective approach to teach reading skill. Fun learning methodology should be made useful to overcome this issue. Based on this phenomena, researchers have taken the initiative to explore teachers understanding of fun learning approach in the teaching of in Bahasa Melayu reading skill in vernacular schools. Other than that, this research aims to elaborate the implementation of fun learning method in teaching reading skill in Bahasa Melayu. This qualitative researches using case studies is carried out to identify the understanding, implementation and suitability of fun learning method in teaching of reading skill in Bahasa Melayu in vernacular schools. Case studies are six Malay language teachers from Tamil vernacular schools (SJKT) and Chinese vernacular schools (SJKC). The objective of this sampling involving research is to explore case studied using one case study approach in multiple selected location which fulfil the required characteristics based on the objective. Research data is obtained through triangulation method which is interview, classroom observation and analysis of related document. Research data is analysed using ATLAS ti version 9.0 application. The research finding reveals that all Malay language teachers have general knowledge about fun learning, reading skills and the implementation of fun learning in reading skills. The fun learning knowledge that were pointed out includes VAKT concept, fun learning characteristics such as relaxing, peaceful, freedom, and learning environment that are interesting and enthusiastic. The analysis of research finding elaborates that the implementation of fun learning method in Malay language reading skill is suitable in teaching Bahasa Melayu reading skill. Research findings show that Malay language teachers use fun learning in Malay language reading skill (70.83%) especially in induction set, teaching steps and closure. However, fun learning is less implemented during assessment (9.72%) only. Findings analysed for the suitability of fun learning activities in teaching Bahasa Melayu reading skill shows that singing

(27.65%) and language game (27.65%) are mostly carried out in Malay language reading skill lessons. At the same time, analysis of the suitability of fun learning in Bahasa Melayu reading skill results in Content Standards (SK) 2.2 SK 2.3 and SK 2.4 are the most suitable for fun learning in Bahasa Melayu reading skill especially when using mechanist reading skills. Research analysis also finds that Skemata Theory and SAVI Model support teachers teaching in Malay language reading skill by instilling new schemata to complete previous schemata in fun learning towards pupils' memory retentions. VAKT in the SAVI model creates elements that stimulates learning. The research outcome concludes that effective learning is achieved when pupils are enjoying the learning processes that ultimately lead to pupils cognitive development. Implication of this research emphasizes the effort towards increasing teachers' understanding on concept, characteristic and suitable types in fun learning. This reasearch contributes in providing detailed empirical information on the readiness of Malay language teachers in improving the implementation of fun learning for effective Bahasa Melayu reading skill lesson.

Keywords : reading skills, fun learning method, teaching and learning

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasihani. Segala puji-pujian hanya bagi Allah tuhan sekalian alam. Selawat serta salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad (S.A.W) yang telah menunjukkan teladan untuk kita supaya sentiasa melalui jalan yang lurus. Alhamdulillah, setinggi-tinggi rasa bersyukur saya kehadrat Allah dengan hidayah dan inayah-Nya kerana dapat saya menyiapkan kajian dan tesis ini. Semoga Allah sentiasa mengurniakan taufik dan hidayahnya kepada saya untuk menuntut ilmu, khususnya dalam bidang penyelidikan dan penulisan.

Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih kepada penyelia saya terutamanya Dr. Shamsudin bin Othman, Dr. Azhar Md. Sabil, dan Dr Marzni binti Mohamed Mokhtar yang telah banyak membimbing, membantu, memberi sumbangsaran pandangan dan cadangan serta dorongan tanpa jemu sehingga terhasilnya tesis ini. Sesungguhnya segala jasa dan kerjasama yang diberikan tidak ternilai harganya untuk dibalas. Semoga Allah sentiasa mengurniakan taufik dan hidayah dan rahmat-Nya buat anda semua.

Penghargaan juga saya tujuarkan kepada semua peserta kajian atas kerjasama yang diberikan sepanjang kajian ini sedang dilakukan. Tanpa kerjasama mereka, kajian saya sudah tentu menjadi penulisan akademik yang tidak bermakna. Pada kesempatan ini juga saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Jabatan Pendidikan Negeri Selangor kerana memberi keizinan kepada saya untuk menjalankan kajian di sekolah-sekolah yang terlibat.

Seterusnya saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada suami tercinta, Che Amaludin Bin Che Mahmood, dan anak-anak tersayang, Amal Naquib Fakhruddin, Amal Najmi Izuddin, Amal Nashrul Ainuddin dan Amal Nazhifi Faizuddin serta ahli keluarga yang sentiasa memberikan sokongan sepanjang saya meneruskan pengajian pendidikan ke peringkat Ijazah Doktor Falsafah. Kesabaran dan kasih sayang mereka amat saya hargai buat selama-lamanya. Ucapan terima kasih dan penghargaan juga kepada kedua ibu bapa saya, Allawayarham Ahmad Bin Omar dan Allawayarhamah Jemaah Binti Hassan kerana sentiasa menyokong saya dan tidak putus-putus mengirimkan doa supaya cita-cita murni perjuangan saya untuk melahirkan tesis ini tercapai. Walaupun kita berpisah dunia namun hasrat kalian berdua saya bawa bersama kejayaan ini. Segala pengorbanan dan jasa mereka akan dibalas dengan sekalung ijazah yang bakal diperoleh.

Penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada Profesor Dr Abdul Rasid bin Jamian, yang banyak memberi ilmu dan motivasi untuk saya meneruskan perjuangan dalam pengajian ini. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan sekerja, rakan-rakan seperjuangan dan semua pensyarah Fakulti Pengajian Pendidikan UPM di atas segala didikan yang telah diberikan. Akhir kata dari saya, segala jasa baik anda semua tidak akan dilupakan. Semoga Allah terus memberi keimanan, ketaqwaan, kerahmatan, keberkatan dan keredaan dalam kehidupan kita semua. Sekian, terima kasih.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Shamsudin bin Othman, PhD

Pensyarah Kanan

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Azhar bin Md. Sabil, PhD

Pensyarah Kanan

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

Marzni binti Mohamed Mokhtar, PhD

Pensyarah Kanan

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 9 Mac 2023

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi;

Tandatangan:

Nama Pengurus
Jawatankuasa
Penyeliaan

Dr. Shamsudin bin Othman

Tandatangan:

Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan

Dr. Azhar bin Md Sabil

Tandatangan:

Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan

Dr. Marzni binti Mohamed Mokhtar

JADUAL KANDUNGAN

Muka surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii
SENARAI SINGKATAN	xviii

BAB

1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.2.1 Kemahiran Membaca	3
1.2.2 Bacaan Mekanis	4
1.2.3 Kaedah Mengajar Kemahiran Membaca Mekanis	5
1.2.4 Prestasi Kemahiran Membaca di SJK	6
1.2.5 Kaedah Didik Hibur	7
1.2.6 Ciri-ciri Didik Hibur	8
1.3 Pernyataan Masalah	9
1.4 Objektif Kajian	12
1.5 Persoalan Kajian	12
1.6 Kepentingan Kajian	13
1.7 Batasan Kajian	14
1.8 Definisi Operasional	15
1.8.1 Kaedah	15
1.8.2 Pengajaran	15
1.8.3 Kefahaman Guru	16
1.8.4 Pelaksanaan	16
1.8.5 Kemahiran Membaca	16
1.8.6 Kaedah Didik Hibur	17
1.8.7 VAKT	17
1.8.8 Model Pembelajaran SAVI	17
1.8.9 Pengajaran Guru Bahasa Melayu di SJK	18
1.8.10 Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK)	18
1.9 Kerangka Teorikal Kajian	19
1.10 Kerangka Konsep Kajian	20
1.11 Rumusan	21

2	SOROTAN LITERATUR	22
2.1	Pengenalan	22
2.2	Teori Dan Model Kemahiran Membaca	22
2.2.1	Model Bawah ke Atas	23
2.2.2	Model Atas ke Bawah	23
2.2.3	Model Interaktif	23
2.2.4	Model Transaktional	24
2.2.5	Model Membaca Clay (1991)	24
2.2.6	Model Kecekapan Verbal	24
2.3	Prinsip dan Teori Skemata dalam Kemahiran Membaca	25
2.4	Kemahiran Membaca	27
2.5	Kaedah Pengajaran Kemahiran Membaca	28
2.6	Bacaan Mekanis	29
2.6.1	Kaedah Mengajar Kemahiran Membaca Mekanis	30
2.7	Didik Hibur	32
2.7.1	Definisi dan Konsep	32
2.7.2	Ciri-ciri Didik Hibur	33
2.7.3	Jenis-jenis Didik Hibur	34
2.8	Model SAVI	37
2.9	Kerangka Teorikal Kajian	39
2.10	Kajian penggunaan kaedah didik hibur dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu	39
2.11	Kajian Didik Hibur dalam Mata Pelajaran Lain	40
2.12	Kajian Kaedah Didik Hibur Luar Negara	43
2.13	Kajian Didik Hibur dalam Kemahiran Membaca	44
2.14	Kajian Aspek Kemahiran Membaca	47
2.15	Kajian Pengajaran Bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan	49
2.16	Kerangka Konseptual Kajian	54
2.17	Rumusan	55
3	METODOLOGI	56
3.1	Pengenalan	56
3.2	Reka Bentuk Kajian	56
3.2.1	Kajian Kes	57
3.3	Penentuan dan Pemilihan Peserta Kajian	59
3.3.1	Peserta Kajian 1 (PK01)	60
3.3.2	Peserta Kajian 2 (PK02)	61
3.3.3	Peserta Kajian 3 (PK03)	61
3.3.4	Peserta Kajian 4 (PK04)	61
3.3.5	Peserta Kajian 5 (PK05)	62
3.3.6	Peserta Kajian 6 (PK06)	62
3.4	Lokasi Kajian dan Jenis Sekolah	63
3.5	Tempoh Kajian	65
3.6	Prosedur Pengkajian Peringkat Persediaan	65
3.6.1	Etika Dalam Kajian	65
3.6.2	Persediaan Sebelum Kajian di Lapangan	67
3.6.3	Prosedur Kajian dalam Reka Bentuk Keseluruhan Kajian	67
3.7	Prosedur Pengkajian Fasa Pengumpulan Data	69

3.8	Kajian Rintis	70
3.9	Instrumen dan Teknik Pengumpulan Data	71
3.9.1	Temu Bual	72
3.9.2	Pemerhatian Langsung	73
3.9.3	Analisis Dokumen	74
3.10	Tatacara Penganalisisan Data	75
3.10.1	Peringkat Pemprosesan Data	76
3.10.2	Membangunkan tema dan Pengekodan Data	76
3.10.3	Peringkat Perekodan Data	77
3.11	Kesahan dan Kebolehpercayaan Kajian	79
3.11.1	Proses Triangulasi	79
3.11.2	Semakan Rakan Sebaya	80
3.11.3	Persetujuan Peserta Kajian	80
3.12	Tempoh Pemerhatian Yang Lama	81
3.13	Jejak Audit	81
3.14	Bias Pengkaji	82
3.15	Rumusan	82
4	DAPATAN KAJIAN	83
4.1	Pengenalan	83
4.2	Profil Peserta Kajian	83
4.3	Kefahaman guru Bahasa Melayu terhadap kaedah didik hibur dalam pengajaran kemahiran membaca Bahasa Melayu	83
4.3.1	Kaedah Didik Hibur	85
4.3.2	Konsep dan Proses Kemahiran Membaca	90
4.3.3	Kefahaman Guru Terhadap Penggunaan Kaedah Didik Hibur Kemahiran Membaca Bahasa Melayu	93
4.4	Penggunaan Kaedah Didik Hibur dalam Pelaksanaan Pengajaran Kemahiran Membaca Bahasa Melayu (Semasa Pengajaran)	98
4.4.1	Pelaksanaan Didik Hibur dalam Induksi Set	99
4.4.2	Pelaksanaan Kaedah Didik Hibur dalam Langkah Pengajaran	104
4.4.3	Pelaksanaan Didik Hibur dalam Penutupan Pengajaran	115
4.5	Analisis Kesesuaian Aktiviti dan Bahan Kaedah Didik Hibur dalam Pengajaran Kemahiran Membaca Bahasa Melayu	116
4.5.1	Penganalisisan Data Triangulasi Kesesuaian Didik Hibur dalam Standard Kandungan 2.2	118
4.5.2	Penganalisisan Data Triangulasi Kesesuaian Kaedah Didik Hibur dalam Standard Kandungan 2.3	120
4.5.3	Penganalisisan Data Triangulasi Kesesuaian Didik Hibur dalam Standard Kandungan 2.4	121
4.6	Rumusan	123

5 RUMUSAN, PERBINCANGAN, IMPLIKASI KAJIAN DAN CADANGAN	125
5.1 Pengenalan	125
5.2 Rumusan Dapatan Kajian	125
5.2.1 Kefahaman guru Bahasa Melayu terhadap kaedah didik hibur dalam pengajaran kemahiran membaca	125
5.2.2 Penggunaan Kaedah Didik Hibur dalam Pelaksanaan Pengajaran Kemahiran Membaca Bahasa Melayu	126
5.2.3 Kesesuaian Aktiviti Didik Hibur dalam Pengajaran Kemahiran Membaca Bahasa Melayu	127
5.3 Perbincangan	127
5.4 Implikasi Kajian	129
5.4.1 Implikasi Terhadap Teori	130
5.5 Cadangan	132
5.5.1 Mempertingkat Peranan Kepimpinan Pemimpin Sekolah	132
5.5.2 Mempertingkat Peranan Guru-guru Bahasa Melayu Sebagai Pelaksana dan Pemudahcara	133
5.5.3 Mempertingkat Elemen kaedah Didik Hibur dalam Kurikulum	134
5.5.4 Peranan Memperkasa Pusat Kegiatan Guru (PKG)	135
5.6 Saranan Kajian Lanjutan	135
5.7 Penutup	136
RUJUKAN	137
LAMPIRAN	163
BIODATA PELAJAR	178
SENARAI PENERBITAN	179

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
3.1 Peserta Kajian	63
3.2 Profil Sekolah Kajian	64
3.3 Persoalan Etika sebelum menjalankan temu bual	66
3.4 Prosedur kajian dalam reka bentuk keseluruhan	68
3.5 Jenis Dokumen yang Digunakan dalam Kajian	75
4.1 Maklumat peserta kajian	83
4.2 Tema dan Subtema Kefahaman Guru Terhadap kaedah didik hibur dalam pengajaran kemahiran membaca Bahasa Melayu	84
4.3 Kefahaman Guru Terhadap Kaedah Didik Hibur Kemahiran Membaca	84
4.4 Jenis-jenis Kemahiran Membaca	91
4.5 Data Triangulasi Kefahaman Guru Terhadap Kaedah Didik Hibur Kemahiran Membaca	94
4.6 Contoh Triangulasi Kefahaman Guru Terhadap Kaedah Didik Hibur Kemahiran Membaca	95
4.7 Rumusan Pemerhatian Penggunaan Kaedah Didik Hibur semasa Pengajaran Kemahiran Membaca	99
4.8 Pelaksanaan Kaedah Didik Hibur dalam Induksi Set	101
4.9 Elemen VAKT untuk kesediaan dan persediaan yang rapi dalam melaksanakan langkah pengajaran	105
4.10 Pelaksanaan bercerita dan lakonan menggunakan komunikasi yang jelas	107
4.11 Pelaksanaan permainan bahasa wujudkan suasana pembelajaran menyeronokkan	109
4.12 Pelaksanaan nyanyian dan permainan bahasa dalam penilaian	111
4.13 Pelaksanaan permainan dan dalam pengajaran mewujudkan pembelajaran aktif	113

4.14	Pelaksanaan elemen VAKT didik hibur dalam rumusan pengajaran	115
4.15	Kesesuaian Penggunaan Kaedah Didik Hibur dalam Pengajaran Kemahiran Membaca	117
4.16	Data Triangulasi Kesesuaian Didik Hibur dalam Standard Kandungan 2.2	119
4.17	Penganalisisan Data Triangulasi Kesesuaian Kaedah Didik Hibur dalam Standard Kandungan 2.3	120
4.18	Analisis Data Triangulasi Kesesuaian Didik Hibur dalam Standard Kandungan 2.4	122
4.19	Rumusan Kesesuaian Aktiviti Didik Hibur dalam Pengajaran Kemahiran Membaca Bahasa Melayu	123

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka surat
1.1	Objektif Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran Kemahiran Membaca	4
1.2	Kaedah Didik Hibur	8
1.3	Ciri-ciri Didik Hibur	9
1.4	Kerangka Teorikal Kajian	19
1.5	Kerangka Konsep Kefahaman Pelaksanaan Dan Kesesuaian Kaedah Didik alam Pengajaran Kemahiran Membaca Bahasa Melayu	20
2.1	Kerangka Konseptual Kajian	54
3.1	Contoh Analisis Kod dan Tema	77
3.2	Contoh Pengkategorian Data Mengikut Sub Tema	78

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran	Muka surat
A Surat Kebenaran Mendapatkan Maklumat dan Menjalankan Penyelidikan	163
B Surat Kelulusan daripada Jabatan Pendidikan Selangor	164
C Surat Pelantikan Pakar Penyemak Keesahan Temu Bual	165
D Surat Lantikan Pakar 2	166
E Contoh Dokumen Pengesahan Data Kajian	167
F Contoh Protokol Temu Bual Separa Struktur	168
G Contoh Borang Persetujuan Peserta Kajian	169
H Contoh Transkrip Temu Bual	170
I Contoh Protokol/Senarai Semak Pemerhatian Pengajaran Guru	172
J Contoh Rancangan Pengajaran Harian	173
K Contoh Protokol Temu bual Kefahaman, Pelaksanaan dan Kesesuaian Kaedah Didik Hibur Dalam Pengajaran Kemahiran Membaca Bahasa Melayu Di Sekolah Jenis Kebangsaan	174

SENARAI SINGKATAN

PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
PdPc	Pembelajaran dan Pemudahcaraan
PAK-21	Pembelajaran Abad ke-21
BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
KSSM	Kurikulum Standard Bahasa Melayu
IPG	Institut Pendidikan Guru
JNJK	Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
UKBM	Ujian Kecekapan Bahasa Melayu
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
SPSS	<i>Statistical Package For Social Science Version</i>
SKM	Sekolah Kurang Murid
PISPM	Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan
DPLI	Diploma Perguruan Lepasan Ijazah
PGSR	Pensiswazahan Guru Sekolah Rendah
KSSR	Standard Sekolah Rendah
LINUS	Program Saringan Literasi dan Numerasi
BBM	Bahan Bantu Mengajar
PK	Peserta Kajian
SM	Sekolah Menengah

TB	Temu bual
PM	Pemerhatian
SK	Standard Kandungan
SJK	Sekolah Jenis Kebangsaan
SJKT	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
BPPDP	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
JKEUPM	Jawatankuasa Etika Penyelidikan Melibatkan Manusia
RPH	Rancangan Pengajaran Harian
PLC	Komuniti Pembelajaran Profesional
LADAP	Latihan Dalam Perkhidmatan

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Penambahbaikan terhadap sistem pendidikan sentiasa menjadi agenda utama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Perkara ini berlaku bagi merealisasikan matlamat KPM untuk mewujudkan transformasi pendidikan bertaraf dunia dengan membuat perubahan dalam sistem pendidikan di Malaysia agar setanding dengan pendidikan di negara-negara maju. Penambahbaikan itu melibatkan peranan guru sebagai pemimpin pendidikan di Malaysia. Mereka perlu meningkatkan kecekapan diri, memahami setiap kurikulum yang telah dibentuk dan mempraktikkan kurikulum tersebut. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025 (PPPM) juga menyatakan tentang enam aspirasi murid yang perlu diterapkan kepada semua murid mencakupi ilmu pengetahuan, cara berfikir dalam kepimpinan, berkemahiran dwibahasa, beretika dan kerohanian serta mempunyai semangat cintakan negara. Konsep pembentukan karakter ini telah menjadi agenda utama pendidikan bagi melahirkan murid yang berinovasi dan kreatif.

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Bahasa Melayu (2011) bertujuan melahirkan murid yang berketrampilan dalam berbahasa dan boleh berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri, ilmu pengetahuan, kemahiran, maklumat, nilai serta hubungan dalam masyarakat sejagat. Perkara ini bukan hanya diukur dengan peperiksaan sahaja, malahan juga penting bagi murid-murid belajar dengan gembira. Thomson (2012), menyatakan bahawa proses pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Bahasa Melayu sekolah rendah perlu menggalakkan penggunaan pelbagai kaedah dan teknik mengajar. Oleh hal yang demikian, guru perlu memilih kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dengan kebolehan murid. Pengolahan teknik dan penggunaan bahan bantu mengajar, serta teknologi yang dapat merangsang murid berkomunikasi dan berinteraksi serta berfikir secara kritis, kreatif dan inovatif mewujudkan keberkesan dalam pengajaran dan pembelajaran. Perkara tersebut disokong oleh Larasati (2018), yang menyatakan strategi pengajaran dan pembelajaran dalam mata pelajaran Bahasa Melayu perlu berpusatkan murid. Perkara ini membolehkan murid-murid berinteraksi dan menguasai kemahiran belajar melalui pengalaman sendiri. Maka, bagi konteks kajian ini pengkaji menekankan penggunaan kaedah didik hibur dalam pengajaran kemahiran membaca.

Selain itu, iklim pembelajaran yang bercirikan sekolah berilmu dan suasana menyeronokkan perlu diwujudkan. Kajian yang dilaksanakan mencakupi hasrat KPM iaitu “Kefahaman, pelaksanaan dan kesesuaian kaedah didik hibur dalam pengajaran kemahiran membaca Bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan. Perubahan dan inovasi dalam pendidikan menuntut guru-guru “memperbaharui” diri mereka secara berterusan supaya mereka tetapi efektif dan memberi impak terhadap pembelajaran murid. Bab ini akan membincangkan penelitian yang mendalam mengenai latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif dan persoalan kajian yang ingin diselidiki dan diketahui berkaitan kajian ini. Pernyataan masalah akan mengupas faktor-faktor

penyebab yang mendorong kajian ini dilaksanakan hasil daripada isu-isu yang timbul berkaitan tajuk penyelidikan tersebut. Seterusnya, bab ini juga membincangkan kepentingan menjalankan kajian berkaitan penggunaan kaedah didik hibur daripada aspek teori dan praktikal. Batasan kajian juga dirincikan kepada perkara-perkara yang menjadi ruang dan batas penyelidikan. Di samping itu, bab ini juga membincangkan secara terperinci tentang definisi operasional secara teliti berkaitan setiap pembolehubah yang terlibat.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pendidikan merupakan wadah terpenting dalam menyatupadukan masyarakat yang berbilang kaum di negara Malaysia. Oleh yang demikian, bahasa Melayu telah diangkat martabatnya menjadi bahasa pengantar dalam sistem pendidikan negara (Awang Sariyan, 2016). Pada awalnya, Penyata Razak 1956 dan Ordinan Pelajaran 1957 telah memperakui dan mengiktirafkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar, seterusnya diperteguh oleh Laporan Rahman Talib pada 1960 dan Akta Pelajaran 1961. Kurikulum Bahasa Melayu digubal bertujuan untuk memenuhi hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan bagi melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, emosi, rohani, dan jasmani.

Seterusnya, kedudukan bahasa Melayu dalam Akta Pendidikan 1996 adalah di bawah Bahagian Sistem Pendidikan Kebangsaan (SPK). Akta Pendidikan 1996 (Lembaga Penyelidikan Undang-Undang 1998a) memperakui bahawa kemajuan negara perlu dicapai melalui satu SPK iaitu bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama. Berdasarkan Akta Pendidikan 1996 (Seksyen 15 dan 16) memperuntukkan bahawa bahasa kebangsaan iaitu bahasa Melayu adalah bahasa pengantar utama bagi semua institusi pendidikan kecuali di SJKC dan SJKT atau mana-mana institusi yang diberi pengecualian oleh Menteri Pendidikan. (Lembaga Penyelidikan Undang-undang 1998a).

Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah (2003) memberikan tumpuan kepada kemahiran bahasa, iaitu kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca, dan kemahiran menulis. Organisasi kandungan merangkumi kemahiran bahasa, hasil pembelajaran, sistem bahasa, dan pengisian kurikulum. Matlamat Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Rendah adalah untuk melengkapkan murid dengan keterampilan berbahasa dan berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri, memperoleh ilmu, perhubungan sosial, dan urusan harian.

Kerangka KSSR (2011) dibina berdasarkan enam tunjang, iaitu komunikasi, kerohanian, sikap dan nilai, kemanusiaan, keterampilan diri, perkembangan fizikal dan estetika, serta sains dan teknologi. Kerangka ini memberi penekanan kepada pengukuhan literasi dan aplikasi kemahiran bahasa bagi Tahap 2 (tahun 4 hingga tahun 6) mata pelajaran Bahasa Melayu supaya murid lebih berketerampilan berbahasa dalam bentuk lisan dan bertulis. Melalui penguasaan kemahiran mendengar dan bertutur, murid dapat berkomunikasi dalam pelbagai situasi dengan lebih berkesan manakala melalui kemahiran membaca, murid dapat meningkatkan kosa kata, memperoleh dan memproses maklumat serta dapat memupuk minat membaca melalui pelbagai teknik kemahiran bahasa yang santai dan menyeronokkan. Penekanan aktiviti PdP dan penggunaan pelbagai bahan yang menarik

secara didik hibur bagi semua kemahiran dan aspek ini dapat membantu murid menguasai dan menghayati pembelajaran bahasa dengan lebih berkesan.

1.2.1 Kemahiran Membaca

Membaca merupakan kegiatan berbahasa yang penting dalam usaha membentuk pengaliran ilmu daripada bahan yang dibaca. Melalui pembacaan, kita dapat menimba ilmu pengetahuan tanpa sempadan. Lantaran itu, kemahiran ini perlu dikuasai oleh guru mencakupi pengetahuan dan cara penyampaiannya untuk digunakan dalam pengajaran. Membaca dapat membantu memperluas pemikiran dan menjana idea pembaca untuk berkarya. Menurut Abdul Rasid (2011), kemahiran membaca merujuk kepada keupayaan individu untuk mengecam simbol-simbol visual yang dilihat menghubungkan antara bentuk huruf dengan bunyi serta keupayaan menghubungkan antara bentuk huruf dengan bunyi serta berupaya memahami maksud perkataan yang dibaca.

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) 2014, KSSR Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan menyatakan bagi memenuhi konsep bersepadu Falsafah Pendidikan Kebangsaan, strategi PdP Bahasa Melayu perlu menggunakan pelbagai prinsip, teknik dan pendekatan. Strategi PdP tersebut merangkumi konsep 5P iaitu penggabungjalinan, penyerapan, pengayaan, pemulihan dan penilaian. Kemahiran bahasa merupakan teras kepada Standard Kurikulum Bahasa Melayu yang merangkumi kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca, kemahiran menulis, aspek seni bahasa dan aspek tatabahasa. Dalam konteks kajian, pengkaji memberi fokus kepada kemahiran membaca. Berdasarkan DSKP KSSR Bahasa Melayu SJK (2014) menyatakan objektif umum kemahiran membaca adalah membaca dengan sebutan dan intonasi yang betul, memahami, dan menaakul maklumat tersurat dan tersirat serta membaca pelbagai bahan bacaan bagi memperkaya kosa kata dan maklumat untuk memupuk minat membaca. Objektif kemahiran membaca yang perlu dalam pengajaran guru seperti berikut:

Objektif Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran Kemahiran Membaca

Objektif kemahiran membaca bertujuan memastikan murid mengetahui dan berkeupayaan:

- | | |
|------|--|
| i. | Membaca dan memahami ayat yang mengandungi perkataan berimbuhan pinjaman daripada pelbagai sumber dengan sebutan yang betul. |
| ii. | Membaca kuat pelbagai jenis ayat serta ayat tunggal dan ayat majmuk berbilang subjek dan predikat daripada sesuatu bahan bacaan dengan lancar, sebutan yang jelas, intonasi yang betul, berjeda dan mengikut tanda baca. |
| iii. | Membaca dan memahami maklumat daripada bahan bukan naratif untuk membuat ulasan dengan betul. |
| iv | Membaca dan memahami maklumat yang tersurat dan tersirat dengan tepat daripada pelbagai bahan untuk membuat sesuatu keputusan dengan betul. |
| v. | Membaca, memahami, mengkategorikan maklumat daripada pelbagai bahan dan memindahkan maklumat dalam bentuk grafik. |
| vi. | Membaca, memahami dan menaakul maklumat dalam bahan grafik dan bahan prosa untuk membanding beza maklumat dan memindahkan maklumat |
| vii | Membaca pelbagai bahan bacaan sastera untuk meningkatkan daya berfikir secara kritis dan untuk membuat pertimbangan. |

Rajah 1.1 : Objektif Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran Kemahiran Membaca

(Sumber : Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Malaysia Sekolah Rendah SJK Tahun 5)

Pengkaji telah meletakkan kemahiran membaca mekanis sebagai fokus kajian. Maka objektif Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) Kemahiran Membaca i, ii, dan iii menjadi fokus utama yang digunakan bagi pengajaran kemahiran membaca mekanis di dalam kelas. Guru bahasa Melayu memberi penekanan kepada kemahiran membaca dan memahami ayat yang mengandungi perkataan berimbuhan pinjaman daripada pelbagai sumber dengan sebutan yang betul. Penumpuan juga adalah kemahiran membaca kuat pelbagai jenis ayat serta ayat tunggal dan ayat majmuk berbilang subjek dan predikat daripada sesuatu bahan bacaan dengan lancar, sebutan yang jelas, intonasi yang betul, berjeda dan mengikut tanda baca serta membaca dan memahami maklumat daripada bahan bukan naratif untuk membuat ulasan dengan betul. DSKP (2018), pula menyatakan kurikulum Bahasa Melayu sekolah rendah digubal untuk membolehkan murid berketerampilan dalam berbahasa dan boleh berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri, memperoleh ilmu pengetahuan, kemahiran, maklumat, nilai dan idea serta hubungan sosial dalam kehidupan harian.

1.2.2 Bacaan Mekanis

Membaca mekanis atau dikenali juga bacaan bersuara menghuraikan berkaitan menyuarakan tulisan dengan sebutan yang jelas dan terang, dengan intonasi dan irama mengikut gaya membaca yang betul dengan menggerakan alat-alat pertuturan. Menurut Langenburg (2000), dalam pengajaran bahasa, kemahiran membaca mekanis yang

digunakan lebih tertumpu kepada usaha menganalisis pengucapan berbanding kefahaman. Bacaan bersuara ini merupakan satu aktiviti membaca yang disuarakan dengan jelas untuk menangkap dan memahamkan informasi, fikiran dan perasaan seseorang pengarang. Membaca mekanis merupakan satu ketrampilan yang serba rumit dan kompleks yang menuntut pengertian terhadap aksara di atas halaman kertas dan memproduksi suara yang tepat dan bermakna. Stefanko (2011), menyatakan bacaan bersuara ialah bacaan mekanis yang menyuarakan tulisan dengan sebutan yang jelas dan terang, serta intonasi dan irama mengikut gaya membaca yang betul dengan menggerakkan alat-alat pertuturan. Menurut Ginsberg (2019), bacaan mekanis ini adalah satu ketrampilan yang kompleks dan rumit yang menuntut pengertian terhadap aksara di atas halaman kertas dan menghasilkan suara yang tepat dan bermakna. Dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa, membaca mekanis yang digunakan lebih tertumpu kepada usaha menganalisis pengucapan (*pronunciation*) daripada kefahaman. Membaca mekanis adalah satu kemahiran yang mampu memenuhi pelbagai ragam tujuan serta mengembangkan sejumlah ketrampilan serta minat. Sehubungan itu, pengkaji menyelidiki pelaksanaan kemahiran membaca mekanis dalam kalangan murid bukan Melayu dengan pengajaran membaca menggunakan kaedah didik hibur. Maka, dalam konteks kajian ini, kemahiran membaca mekanis ini perlu difahami, diteliti dan dikuasai oleh guru-guru dari aspek kandungan dan kemahiran untuk digunakan dalam pengajaran membaca.

1.2.3 **Kaedah Mengajar Kemahiran Membaca Mekanis**

Kemahiran membaca melibatkan beberapa domain seperti mengecam bentuk huruf, menyebut bunyi huruf, menyebut suku kata, membaca perkataan yang bermakna dan seterusnya membaca ayat. Terdapat beberapa kaedah yang digunakan untuk mengajar kemahiran membaca mekanis. Antaranya adalah kaedah abjad/ huruf, kaedah pandang dan sebut, kaedah seluruh perkataan, kaedah fonik (bunyi), gabungan bunyi kata, kaedah VAK dan kaedah VAKT. **Kaedah Abjad/ Huruf** Kaedah ini merupakan kaedah mengajar mengeja dan membaca perkataan. Kanak-kanak akan diajar mengenal nama-nama huruf dari a hingga z terlebih dahulu dan diikuti dengan mengenali huruf-huruf vokal a, e, i, o dan u, huruf-huruf konsonan, dan diftong ai, au dan oi. Bunyi-bunyi huruf diperkenalkan dan seterusnya huruf-huruf ini digabungkan bagi membentuk suku kata dan seterusnya perkataan. Raminah Haji Sabran dan Rahim Syam (1985) menyatakan, kedua-dua bentuk huruf kecil dan huruf besar didedahkan serentak. Kaedah ini juga membolehkan kanak-kanak mengeja perkataan-perkataan baru yang belum dipelajarinya. **Kaedah Pandang dan Sebut/ Kaedah Seluruh Perkataan** pula menekankan pengajaran membaca berdasarkan perkataan-perkataan yang biasa diguna seharian yang membentuk kebanyakan pertuturan kita seperti saya, batu, lari, main, emak, bapa dan sebagainya.

Pengajaran kemahiran membaca mekanis menggunakan **Kaedah Fonik/ Bunyi** menekankan kepada hubungan bunyi-bunyi dengan huruf-hurufnya. Kaedah fonik, antara kaedah mengajar bacaan yang digemari oleh guru. Menurut kaedah fonik, bunyi huruf yang diperkenalkan terlebih dahulu dan diikuti dengan membunyikan suku kata dan seterusnya membunyikan perkataan. **Kaedah Gabungan Bunyi-Kata** yang memberi penekanan daripada nama huruf dan bunyi kepada perkataan. Menurut Ishak Harun (2007), guru-guru hendaklah mengajar hubungan antara nama, bunyi, dan bentuk

huruf dengan pengetahuan bahawa sesetengah huruf adalah vokal dan sangat diperlukan dalam setiap perkataan. Kemudian diajar huruf dan bunyi vokal pula. Seterusnya **Kaedah VAK** menggabungkan deria penglihatan dan pendengaran dengan tulisan (kinestetik atau pergerakan). Kaedah ini menggunakan prosedur pengajaran seperti memerhati perkataan, menyebut perkataan, menulis perkataan dan banding hasil tulisan dengan perkataan asal. **Kaedah Membaca Pelbagai Deria (VAKT)** berpegang kepada prinsip “rangsangan” dalam pembelajaran. VAKT bermaksud Visual (penglihatan), Audio (pendengaran), Kinestetik (pergerakan), dan Taktikil (sentuhan).

Rumusnya, semua guru adalah bertanggungjawab untuk mengesan kelemahan bacaan pelajarnya, mengenal pasti punca masalah, dan cuba membantu mereka membina kemahiran membaca seawal mungkin supaya masalah ini dapat dipulihkan sebelum menjadi lebih teruk. Kaedah-kaedah pengajaran kemahiran membaca mekanis ini masih digunakan oleh guru-guru bergantung kepada permasalahan membaca dan penguasaan murid. Namun demikian dalam konteks kajian ini, pengkaji memilih kaedah didik hibur yang terkandung elemen VAKT dalam proses pengajaran kemahiran membaca mekanis. Pada abad 21 ini, profesi keguruan terdedah kepada pelbagai cabaran baharu. Para pendidik berperanan menyediakan generasi yang berilmu, berfikiran kreatif dan kritis, memahami dan bertindak menangani perubahan pendidikan yang penuh persaingan dan pendidikan bersifat futuristik. Pembangunan profesionalisme guru melalui kaedah pengajaran yang berkualiti menjadi landasan kepada pemilihan kajian iaitu kefahaman, pelaksanaan dan kesesuaian kaedah didik hibur dalam pengajaran kemahiran membaca bahasa Melayu di SJK. Perubahan sistem pendidikan yang berlaku adalah tepat pada masanya seiring dengan evolusi dan kemajuan dalam pendidikan itu sendiri.

1.2.4 **Prestasi Kemahiran Membaca di SJK**

Menurut Fadzilah dan Norazlina (2015), tahap penguasaan kemahiran dalam bahasa Melayu boleh didefinisikan sebagai tahap kecekapan berbahasa Melayu. Terdapat empat kemahiran penting yang perlu dikuasai, iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis dalam aspek kecekapan berbahasa Melayu. Keempat-empat kemahiran ini mempunyai hubungan dan perkaitan bagi setiap kemahiran tersebut. Oleh itu, semua kemahiran ini perlu dikuasai untuk mencapai tahap kesempurnaan dalam kecekapan berbahasa Melayu.

Namun demikian, masih terdapat murid-murid di SJKC dan SJKT yang lemah dalam kemahiran membaca. Kajian oleh Chew Fong Peng (2016) menunjukkan bahawa murid-murid Cina di sekolah yang dikaji mengalami masalah sebutan dalam beberapa fonem Bahasa Melayu kerana kurangnya membaca kerana minat yang berkurangan. Kajian juga mendapati peranan guru, ibu bapa dan faktor sikap murid terhadap aktiviti membaca menjadikan mereka lemah. Menguasai bahasa Melayu dengan baik amatlah penting untuk menambahkan ilmu, kompetensi dan kemahiran bagi seseorang murid. Pada hari ini kita dapat melihat situasi sebenar kedudukan bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan penutur jati bahasa Melayu. Murid bukan berbangsa Melayu di SJKC ialah murid yang mempelajari dan menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua, selain bahasa ibunda mereka. Murid ini dikategorikan sebagai murid kaum Cina dan mendapat pendidikan di SJKC. Mereka turut diklasifikasikan sebagai murid bukan berbangsa

Melayu dan mempunyai keluarga daripada keturunan Cina (Mahzan, 2016) serta bukan penutur asli bahasa Melayu (Chew, 2016).

Seterusnya, bagi murid yang bukan kaum Melayu, kemahiran dalam bahasa Melayu amat berbeza dengan kemahiran dalam bahasa ibunda mereka. Hal ini menjelaskan bahawa murid bukan Melayu memperoleh satu kemahiran tambahan apabila mempelajari kemahiran dalam bahasa Melayu. Seterusnya, dalam konteks di SJK, kaedah didik hibur ini telah dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Kajian terhadap empat orang murid di sebuah SJK di Sarawak menunjukkan kaedah didik hibur melalui permainan interaktif dapat menarik minat yang tinggi dalam kalangan murid terhadap pembelajaran bahasa Melayu. Murid didapati lebih bermotivasi dan lebih fokus dalam pembelajaran mereka.

1.2.5 Kaedah Didik Hibur

Perkara 6.4.2 DSKP KSSR Bahasa Melayu Tahun 5 SJK (2017), menyatakan bahawa kaedah didik hibur merupakan persekitaran pembelajaran bermakna dan menyeronokkan secara terancang. Kaedah didik hibur dimasukkan dalam DSKP KSSR Bahasa Melayu sebagai satu transformasi kurikulum. Seterusnya, didik hibur juga sinonim dengan unsur humor. Situasi ini merujuk kepada kualiti atau jenaka sesuatu keadaan atau kecenderungan bagi menjadikan sesuatu situasi itu menghiburkan. Mazlan Ismail (2016) menjelaskan bahawa humor ialah perbuatan spontan atau perkataan yang lucu dan menggelikan hati, membangkitkan ketawa, perbuatan atau kata-kata untuk membuatkan orang lain ketawa serta mampu mengurangkan tekanan. Menyedari tentang kepentingan menguasai kemahiran dalam bahasa Melayu, kaedah didik hibur telah diberikan penekanan khas terutama dalam pembinaan KSSR (2010) seperti yang dijelaskan dalam Buku Penerangan KSSR Semakan (2017).

Penggunaan kaedah didik hibur dalam pengajaran telah mengalami pemurnian yang merangkumi empat komponen asas kaedah didik hibur dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu iaitu nyanyian, lakonan, penceritaan dan permainan. Pelaksanaan kaedah didik hibur mestilah memenuhi beberapa ciri pembelajaran di dalam atau di luar bilik darjah iaitu bersifat menyeronokkan, mengandungi unsur estetik, permainan muzik, lakonan, serta unsur kelakar dan kecindan. Pelaksanaannya hendaklah berpusatkan murid iaitu melibatkan murid dalam aktiviti berbahasa. Suasana pembelajaran yang menyeronokkan dan santai mengurangkan tahap kebimbangan murid, justeru membuatkan mereka bersemangat untuk belajar. Guru-guru bahasa Melayu sepatutnya telah mengamalkan kaedah didik hibur dalam pengajaran Bahasa Melayu seperti kemahiran membaca. Pencapaian murid dalam kemahiran membaca juga dijangka meningkat berikutan pelaksanaan kaedah tersebut. Melalui kegiatan didik hibur, keberkesanannya pembelajaran berlaku apabila guru dapat menarik minat murid untuk terus mengikuti pelajaran Ilangko, (2014).


Apakah yang dikatakan Didik Hibur		
<p>Didik Hibur bermaksud mendidik sambil menghibur.</p> <ul style="list-style-type: none"> Bersifat santai dan menyeronokkan di bawah keadaan terkawal. Memberi peluang kepada murid-murid untuk belajar dalam keadaan yang menyeronokkan. Menggunakan pelbagai jenis aktiviti yang menarik dan bermakna seperti penyelesaian masalah, kerja projek, berlakon, simulasi, gerakan badan, menyanyi. Tiada unsur menang, kalah, ganjaran atau dendam semasa PdP. Aktiviti berkumpulan atau berpasangan untuk mewujudkan semangat kerja berpasukan, kerjasama dan toleransi. Murid bebas bersuara, mengeluarkan pendapat dan idea. 		
Apakah faedahnya?	Bagaimanakah melaksanakannya?	
<ul style="list-style-type: none"> Mengurangkan tahap kebimbangan dan ketakutan murid kepada guru, justeru murid sentiasa berada dalam keadaan pembelajaran yang positif dan tertunggu-tunggu untuk sesi pembelajaran yang berikutnya. Memberi peluang kepada kanak-kanak mengembangkan potensi intelek, jasmani, emosi dan sosial. 	<ul style="list-style-type: none"> Memilih aktiviti yang sesuai untuk mencapai objektif pembelajaran. Menerangkan tujuan aktiviti. Merujuk cara atau kaedah menjalankan aktiviti. Membimbing dan mengawasi murid semasa aktiviti. Membuat rumusan selepas aktiviti 	
Contoh Aktiviti		
Nyanyian	Teka-teki	Bercerita
Lakonan	Berpantun	Meneka benda dalam beg
Permainan	Mencantum gambar	Permainan silang kata
Mencari benda tersembunyi dalam gambar		

Rajah 1.2 : Kaedah Didik Hibur

(Sumber : Buku Penerangan KSSR Semakan 2017 Bab 5, ms 45)

1.2.6 Ciri-ciri Didik Hibur

Ciri-ciri yang diberi penekanan dalam kaedah didik hibur adalah pengajaran dan pembelajaran yang seronok, ceria, santai yang bertujuan untuk memberi keyakinan tinggi, motivasi dan kesediaan belajar murid melalui pengalaman lampau dan pengalaman sedia ada. Guru perlu mendorong murid terlibat secara langsung membolehkan mereka berkomunikasi secara lisan, dan bahasa badan. Murid juga dapat menghayati, memahami dan berlaku perubahan tingkah laku hasil daripada pembelajaran. Murid dapat berkolaborasi dalam bilik darjah secara kumpulan. Murid bersikap toleran, sedia menerima dan memainkan peranan yang diberi. Ciri-ciri didik hibur yang diperlukan bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan adalah sepertiuraian dalam rajah berikut.



Rajah 1.3 : Ciri-ciri Didik Hibur

(Sumber : Mazlan Ismail 2016)

1.3 Pernyataan Masalah

Perdebatan isu berkaitan kemahiran membaca masih diperkatakan sehingga ke hari ini. Hal ini demikian kerana penguasaan kemahiran membaca adalah kunci asas untuk memperolehi ilmu pengetahuan yang lain yang menjadi keperluan utama dalam pembangunan sesebuah negara. Transformasi sistem pendidikan yang beralih daripada KBSR kepada KSSR juga membawa impak dalam pengajaran guru. Anjakan 6 PPPM 2013-2025 menyatakan setiap sekolah perlu menyediakan pendidikan berkualiti kepada murid-murid. Dalam konteks melaksanakan pengajaran kemahiran membaca di dalam bilik darjah, tahap pengetahuan dan kemahiran guru dalam pengajaran Bahasa Melayu akan mempengaruhi tahap penguasaan murid. Noraini (2015) dan Nurhijrah et.al (2017) menyatakan bahawa keberkesanannya pengajaran seseorang guru itu dapat ditentukan oleh tahap pengetahuan guru tersebut tentang bahasa dan budaya murid. Pengajaran guru yang tidak kompeten dalam pengajaran kemahiran membaca akan mengakibatkan guru tidak dapat meningkatkan penguasaan membaca murid yang sebenar. Masih terdapat guru-guru bahasa Melayu di SJKT dan SJKC yang belum menguasai kaedah pengajaran kemahiran membaca dalam merancang dan melaksanakan pengajaran. Berdasarkan hasil kajian Abdul Rasid Jamian (2011) mendapati terdapat guru bahasa Melayu yang menghadapi masalah untuk menyampaikan isi pelajaran di SJKC. Perkara ini berlaku kerana guru-guru masih mengamalkan kaedah pengajaran konvensional. Menurut Turkmen dan Aydin (2016), menyatakan guru yang kurang berbakat mengajar dan masih menggunakan kaedah konvensional menyebabkan kesulitan untuk mengajar. Kaedah pengajaran dan pembelajaran guru bahasa Melayu perlu berupaya menarik konsentrasi murid untuk mengikuti pelajaran. Pengajaran guru yang membosankan penyebab murid

sukar memahami sesuatu konsep. Punca murid hilang fokus dan bosan ketika mengikuti pembelajaran disebabkan cara guru memberi penjelasan. Oleh itu, pengkaji terpanggil untuk melaksanakan kajian berkaitan kaedah didik hibur dalam pengajaran guru.

SJKC dan SJKT menggunakan bahasa ibunda masing-masing sebagai bahasa pengantar kecuali mata pelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Kebanyakan murid juga menggunakan bahasa ibunda ketika berada di rumah. Hal ini menyebabkan pendedahan mereka terhadap bahasa Melayu amat kurang, justeru memberikan kesan terhadap pembelajaran bahasa Melayu seperti kemahiran membaca. Masalah ini akan bertambah rumit jika guru bahasa Melayu bukan opsyen atau mereka tidak memiliki kemahiran yang sesuai untuk mengajar kemahiran membaca. Kekurangan tersebut menyebabkan mereka tidak dapat melaksanakan pengajaran pembelajaran kemahiran membaca menggunakan kaedah didik hibur yang sesuai dan berkesan. Guru perlu menguasai jenis-jenis didik hibur yang bersesuaian dengan Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran dalam DSKP Bahasa Melayu. Menurut Abdul Rasid dan Zulkafli (2008), murid tidak berminat kemahiran membaca kerana tidak menguasainya. Brashears (2008) berpendapat usaha untuk membangkitkan pencapaian murid ialah penglibatan mereka. Kedua-dua pandangan tersebut ada kaitan dengan peranan guru. Oleh hal yang demikian, kajian perlu dijalankan untuk memastikan kompetensi dan kesediaan guru melaksanakan kaedah didik hibur dalam kemahiran membaca dan masalah yang dihadapi oleh mereka.

Kajian mengenai tahap pengetahuan dan sikap guru-guru Bahasa Melayu terhadap pendekatan didik hibur telah dilaksanakan oleh Ji Seng, et al. (2018) mendapati guru-guru di daerah Hulu Langat mempunyai pengetahuan yang tinggi dalam kaedah didik hibur. Bagaimanapun, mereka menunjukkan sikap yang sederhana dalam pelaksanaan kaedah didik hibur tersebut. Mereka lebih fokus kepada pengajaran tradisional yang bersifat orientasi peperiksaan. Berdasarkan kenyataan JNJK (2017), menjelaskan guru hendaklah sentiasa cakna dan memberikan tanggungjawab sebagai pemudah cara dalam pengajaran. Pengajaran yang berkesan akan mengembangkan potensi murid secara menyeluruh dan berterusan. Pentaksiran Kemahiran Saintifik (PKS-SKPM) menerusi Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPMg2) diwujudkan untuk memastikan sekolah mendapat manfaat apabila melaksanakan pengurusan kurikulum. SKPMg2 Standard 4, (Pembelajaran dan Pemudahcaraan) digunakan dalam penarafan aspek pembelajaran guru.

Berdasarkan rumusan dapatan pencerapan pentadbir 2018, iaitu data pemantauan SKPMg2 pada Ogos-November 2018 daerah Kuala Selangor bagi 22 buah sekolah SJKT dan 12 buah sekolah SJKC mendapati masih terdapat guru yang tidak mencapai tahap baik dan cemerlang. Terdapat 73 (30.04%) orang guru di SJKC dan 110 (39.43%) orang guru di SJKT masih kurang menguasai pengetahuan dan kemahiran dalam pengajaran di kelas. Seterusnya, hasil pencerapan akademik daerah bagi sekolah fokus literasi mendapati, 14 daripada 20 (70%) guru bahasa Melayu di SJK masih memerlukan bimbingan pengajaran dan pemudahcaraan. Demikian juga, permasalahan yang dikenal pasti ialah terdapat guru bukan opsyen yang mengajar bahasa Melayu. Laporan tahunan 2015 PPPM 2013-2025 mendapati berdasarkan kajian pelaksanaan Ujian Kecekapan Bahasa Melayu (UKBM) terhadap guru bukan opsyen bahasa Melayu menjelaskan bahawa 21.4% guru bahasa Melayu yang layak mengajar, manakala 37.8% guru bahasa Melayu yang memerlukan latihan tambahan. Namun, 40.9% guru bukan opsyen bahasa

Melayu tidak layak untuk mengajar Bahasa Melayu kerana tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan dalam UKBM itu. Kenyataan ini disokong oleh data operasi guru SJK bagi daerah kajian yang mana jumlah keseluruhan guru di SJK 538(2017) dan 534 (2018). Daripada jumlah tersebut, mendapat 81.3% daripada 166 orang guru mengajar Bahasa Melayu adalah guru bukan opsyen bahasa Melayu pada tahun 2017 dan 81.4% daripada 162 orang guru mengajar Bahasa Melayu adalah guru bukan opsyen bahasa Melayu. Data ini menunjukkan bahawa masih terdapat guru bukan opsyen bahasa Melayu mengajar mata pelajaran tersebut tanpa kelayakan asas sebagai guru bahasa Melayu. Guru-guru tersebut adalah dalam kalangan guru opsyen bahasa Cina dan bahasa Tamil. Perkara ini menyebabkan kurang penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan guru-guru bukan opsyen tersebut. Hasil pemantauan pengajaran guru mendapat terdapat sebilangan daripada guru masih menggunakan bahasa ibunda dan bahasa Melayu dan pastinya memberi kesan kepada pelaksanaan pengajaran kemahiran membaca.

Berdasarkan kajian kajian tentang kaedah didik hibur dalam kemahiran membaca oleh Zanariah dan Fadzilah (2011), menyatakan masalah utama yang dihadapi oleh guru-guru dalam pengajaran kemahiran membaca adalah kurang menguasai dan memahami kandungan sukanan pelajaran terkini. Guru-guru juga tidak mahir menggunakan teknik dan kaedah mengajar kemahiran membaca yang pelbagai mengikut aras penguasaan murid. Kajian tersebut mendapat masih ramai guru yang mengajar kemahiran membaca mengikut kemahiran lama berbanding pendekatan baharu yang dianggap sukar sehingga diabaikan oleh mereka. Implikasi daripada kajian tersebut, menjelaskan tentang isu penggunaan kaedah didik hibur dalam pengajaran guru. Dapatkan kajian menyatakan terdapat guru yang belum bersedia dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran serta mengaplikasikan kaedah didik hibur dalam pengajaran kemahiran membaca di bilik darjah.

Laporan Saringan LINUS2.0 2018, BPSH KPM, menyatakan rumusan pencapaian Saringan 1 Literasi Bahasa Melayu Tahun 3, 2018 peringkat kebangsaan adalah 95.72% (menguasai Konstruk 1 hingga Konstruk 12) di SJKC, manakala 88.81% menguasai (Konstruk 1 hingga Konstruk 12) di SJKT. Berdasarkan data tersebut, masih terdapat 4.28% di SJKC dan 11.19% di SJKT (tidak menguasai Konstruk 1 dan Konstruk 2). Penguasaan kemahiran membaca yang rendah ini disokong kenyataan bahawa kanak-kanak tidak boleh membaca secara semula jadi. Kajian Abdul Rasid (2001), menunjukkan bahawa murid-murid Cina serta ahli keluarga mereka tidak menggunakan bahasa Melayu semasa di rumah. Bahasa yang menjadi pilihan murid Cina atau ibu bapa mereka sebagai bahasa utama pertuturan semasa di rumah ialah bahasa Cina atau bahasa Inggeris. Antara masalah-masalah yang dihadapi oleh murid-murid di SJK dalam penguasaan pembelajaran kemahiran membaca mekanis di SJK adalah terdapat murid yang masih tidak kenal huruf dan tidak boleh menyebut bunyi huruf kerana tiada dalam bahasa ibunda mereka. Mereka juga keliru antara e-taling dan e-pepet menyebabkan tidak dapat menyebutnya dengan betul. Contohnya terdapat dalam kalangan murid India dan Cina yang tidak dapat menyebut perang, rendang, telur dan lain-lain dengan betul. Seterusnya, terdapat murid-murid murid-murid SJK yang tidak boleh membatang vokal konsonan dan diftong, serta perkataan berimbuhan. Murid-murid ini juga tidak boleh membunyikan perkataan dengan betul dan lancar.

Terdapat sebilangan murid Cina yang tidak gemar memilih bahan bacaan dan buku berbahasa Melayu sebagai sumber utama untuk mendapatkan ilmu pengetahuan. Menurut kajian Chew (2016), keadaan ini berlaku kerana murid Cina belum dapat menguasai bahasa Melayu dengan baik dan masih tidak fasih untuk bertutur dalam bahasa Melayu. Dalam persekitaran bilik darjah, murid-murid lebih gemar dan selesa bersama-sama rakan berasaskan persamaan etnik. Penggunaan bahasa ibunda yang sama merancakkan proses interaksi. Perkara tersebut membentuk pemisah yang jelas dalam penggunaan bahasa Melayu. Justeru, dalam konteks kajian berkaitan aspek didik hibur dalam pengajaran kemahiran membaca merupakan satu solusi bagi mengurangkan menguasai tahap minimum (MTM) tersebut.

1.4 Objektif Kajian

Secara umumnya, pengkajian didik hibur bertujuan meneroka kefahaman, pelaksanaan dan kesesuaian kaedah didik hibur dalam pengajaran kemahiran membaca bahasa melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan. Secara khusus pula merujuk beberapa objektif yang dikemukakan iaitu :

1. Meneroka kefahaman guru terhadap kaedah didik hibur dalam pengajaran kemahiran membaca bahasa Melayu Tahap Dua Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan.
2. Menghuraikan pelaksanaan penggunaan kaedah didik hibur dalam pengajaran kemahiran membaca bahasa Melayu murid Tahap Dua Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan.
3. Menganalisis kesesuaian aktiviti dan bahan kaedah didik hibur dalam pengajaran kemahiran membaca bahasa Melayu Tahap Dua Sekolah Jenis Kebangsaan.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif yang dinyatakan di atas, persoalan kajian yang berikut telah dibentuk untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang diperlukan berhubung penggunaan kaedah didik hibur dalam pengajaran kemahiran membaca bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan.

1. Apakah kefahaman guru terhadap penggunaan kaedah didik hibur dalam pengajaran kemahiran membaca guru bahasa Melayu di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan?
2. Bagaimanakah guru bahasa Melayu melaksanakan penggunaan kaedah didik hibur dalam pengajaran kemahiran membaca di bilik darjah Tahap Dua Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan?
3. Apakah kesesuaian aktiviti dan bahan kaedah didik hibur dalam pengajaran kemahiran membaca Tahap Dua di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan?

1.6 Kepentingan Kajian

Pengkajian ini penting kepada guru-guru bahasa Melayu Tahap 2 di SJKT dan SJKC bagi kefahaman tentang konsep dan ciri-ciri didik hibur berfokus kepada penggunaan kaedah didik hibur dalam pengajaran kemahiran membaca dikuasai oleh guru-guru. Selain itu, guru-guru dapat mengesan sejauh mana penggunaan kaedah didik hibur tersebut telah digunakan dan mengambil tindakan merancang dan menambah baik pengajaran mereka bagi sesi pengajaran seterusnya. Guru juga dapat mengenal pasti perkembangan penguasaan kemahiran membaca mekanis murid-murid hasil daripada penggunaan kaedah didik hibur dalam pengajaran kemahiran membaca. Demikian juga, para guru dapat membuat perancangan intervensi berkaitan peningkatan pedagogi mata pelajaran Bahasa Melayu khususnya kaedah didik hibur. Kajian ini dijadikan sebagai panduan atau kayu ukur bagi guru untuk menjayakan sesi pengajaran dan pembelajaran kemahiran membaca yang lebih berkesan dan menyeronokkan. Hasil dapatan kajian membolehkan satu pembaharuan dicapai dalam strategi pengajaran bahasa Melayu khususnya kepada murid bukan Melayu. Kelompongan dalam aspek ini akan menjadi penyebab utama kepada sistem pendidikan gagal melahirkan keperluan pelajar di negara ini. Kenyataan Zanariah dan Zamri (2017), menyatakan bahawa kaedah didik hibur dalam bilik darjah memberi ruang kepada pembelajaran berpusatkan murid menjadi lebih interaktif. Guru-guru bahasa Melayu perlu menerapkan elemen inovasi dan kaedah didik hibur untuk menambah baik kualiti pengajaran di dalam bilik darjah. Seperkara, dengan adanya unsur didik hibur melalui audio, visual, kinestatik dan taktikal semasa pengajaran kemahiran membaca, maka suasana pengajaran menjadi aktif dan interaktif kerana murid-murid melibatkan diri dalam proses pengajaran dan pembelajaran, malah menghasilkan komunikasi berbentuk dua hala. Menurut kajian Abdul Rasid Jamian dan Hasmah Ismail (2013), impak amalan pembelajaran menyeronokkan dalam Bahasa Melayu yang lebih ketara adalah kepada aspek perspektif dan aplikasi pengetahuan peserta kajian tentang kaedah mahupun teknik yang efektif sehingga mampu meningkatkan prestasi pengajaran mereka. Maka, dapatan kajian ini akan menjadi input yang berguna kepada BPSH, KPM, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) serta sekolah-sekolah untuk membuat penambahbaikan dengan merancang dan memberi kursus yang lebih berfokus tentang kekuatan didik hibur dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran mengikut konteks isi kandungan mata pelajaran. Dapatan ini juga boleh dijadikan panduan bagi menggunakan kepelbagaiannya strategi, dan bahan pengajaran dan pembelajaran yang dapat menimbulkan cabaran, rasa ingin tahu, kawalan, fantasi, kerjasama, persaingan sihat dan pengiktirafan dalam kalangan murid. Hal ini selaras dengan enam Aspirasi Murid dalam PPPM 2013-2015 hasrat yang terkandung dalam kemahiran dwibahasa iaitu setiap murid perlu menguasai bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa perpaduan supaya mampu digunakan untuk persekitaran kerja apabila tamat persekolahan. Kajian ini menggunakan Teori Skemata Membaca yang membina skema dan membuat hubungan antara idea-idea dan peranan didik hibur untuk melihat bagaimana proses pengajaran membaca berlaku. Kajian akan mengenalpasti sejauh mana Teori Skemata membantu guru bahasa Melayu melaksanakan pengajaran kemahiran membaca mekanis dengan lebih berkesan. Kesimpulannya, kajian yang dilaksanakan penting khususnya guru mata pelajaran Bahasa Melayu di SJK tentang penggunaan kaedah didik hibur dalam pengajaran kemahiran membaca.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pengajaran kemahiran membaca mekanis dalam bahasa Melayu di SJK. Kajian berfokus bagaimana guru-guru dapat mengajar kemahiran membaca menggunakan kaedah didik hibur. Justeru, pengkaji telah menyatakan beberapa limitasi dan menjelaskan justifikasi bagi setiap batasan tersebut. Penyelidikan kualitatif secara kajian kes ini hanya melibatkan 6 orang peserta kajian. Walaupun mungkin jumlahnya nampak kecil namun persampelan yang kecil mampu menghasilkan penemuan yang konkrit serta dapat dikaji dengan lebih teliti. Menurut Lincoln dan Guba (1985), kajian yang dijalankan dengan saiz sampel yang kecil namun apabila diterokai dengan lebih mendalam dan menyeluruh melalui persampelan bertujuan, maka ia boleh mencapai titik tepu. Maksudnya, tiada lagi maklumat baharu yang akan diperoleh memandangkan maklumat lama dan baharu telah bertindan dan tepu.

Pengkaji juga membataskan teknik pemerolehan data kajian kepada triangulasi temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen sahaja. Teknik ini telah terbukti saling melengkapi dan melengkapkan. Pemilihan peserta kajian untuk ditemu bual dan pemerhatian terdiri daripada enam orang guru bahasa Melayu yang mengajar di enam buah sekolah yang berlainan di salah satu daerah di negeri Selangor iaitu di SJKT dan di SJKC sahaja. Justifikasi pemilihan sekolah ini adalah berdasarkan sekolah dikategorikan kedudukan dua belas sekolah fokus tahap literasi rendah bagi SJK daerah tersebut iaitu tiga orang guru di SJKT dan tiga orang guru di SJKC. Justifikasi pemilihan sekolah berdasarkan sekolah yang mendapat kebenaran PPD dan guru besar sekolah tersebut. Demikian juga, justifikasi pemilihan sekolah atas kesediaan guru untuk bekerjasama dalam kajian ini. Setiap sekolah diwakili oleh seorang peserta kajian dan maklumat yang diberikan oleh peserta kajian dapat memberi jawapan kepada objektif kajian.

Seterusnya, justifikasi pemilihan enam orang peserta kajian berdasarkan pengalaman mengajar antara lima hingga lapan tahun mengajar bertujuan untuk melihat pelaksanaan pengajaran kemahiran membaca daripada guru-guru berpengalaman dalam KSSR dan KSSR semakan. Pengajaran kemahiran membaca ini hanya melibatkan murid tahun 4 dan tahun 5 sahaja. Seterusnya kajian ini hanya berfokus kepada kemahiran membaca mekanis iaitu berdasarkan DSKP Bahasa Melayu SJK, SK 2.2 Membaca dan memahami perkataan, frasa dan ayat daripada pelbagai sumber dengan sebutan yang betul dan SK 2.3 Membaca kuat pelbagai bahan bacaan dengan lancar, sebutan yang jelas dan intonasi yang betul. Justifikasi penggunaan kemahiran membaca mekanis adalah melihat cabaran guru menganalisis pengucapan iaitu daripada pengetahuan umum kepada konsep generik dengan berfokus kepada Teori Skemata dan model SAVI yang menyokong pengajaran guru menerapkan elemen didik hibur bagi pengekalan ingatan murid manakala VAKT yang terkandung dalam Model SAVI mewujudkan unsur-unsur yang menimbulkan rangsangan pembelajaran.

Seterusnya, kajian ini hanya berfokus kepada penggunaan kaedah didik hibur yang dilaksanakan semasa pengajaran kemahiran membaca di dalam bilik darjah. Setiap peserta kajian akan diperhati semasa menggunakan kaedah didik hibur ketika aktiviti kemahiran membaca. Justeru, pengkaji akan memerhati sama ada guru melaksanakan penggunaan didik hibur tersebut ketika induksi set, semasa langkah dan aktiviti

pengajaran atau penutupan pengajaran. Seterusnya pengkaji membataskan penggunaan kaedah didik hibur yang menjadi fokus kajian iaitu nyanyian, bercerita, lakonan dan permainan.

Batasan kajian bagi metodologi pula menggunakan kaedah temu bual secara separa struktur, pemerhatian Pdp dalam bilik darjah dan menganalisis dokumen. Kajian ini terbatas di lokasi kajian sahaja. Namun hasil penyelidikan hanya boleh dijadikan rujukan bagi kajian yang sama di lokasi lain yang mempunyai ciri-ciri permasalahan yang serupa. Selain itu, fokus kajian hanya tertumpu kepada kefahaman guru-guru terhadap kegiatan pengajaran didik hibur berfokus kepada kemahiran membaca mekanis Bahasa Melayu di SJK menggunakan kaedah triangulasi. Pemerhatian terhadap setiap sampel kajian akan dilaksanakan sekurang-kurangnya dua sesi. Sampel kajian juga akan ditemu bual sekurang-kurangnya dua kali dan tempoh temu bual adalah 30 minit bagi setiap sesi, tertakluk kepada perubahan semasa. Masa yang dicadangkan untuk kutipan data kajian adalah sepuluh bulan. Temu bual adalah berstruktur dalam bentuk dua hala berdasarkan item-item yang telah dibina.

1.8 Definisi Operasional

Terdapat beberapa konsep rujukan yang digunakan dalam kajian ini dan adalah berdasarkan definisi operasional berikut.

1.8.1 Kaedah

Kaedah membawa maksud perancangan atau prosedur bagi melaksanakan suatu pengajaran secara kemas, teratur dan bersistematik. Kaedah mengikut *Kamus Dewan Edisi 4* (2005) bermaksud cara atau aturan membuat sesuatu, hukum atau prinsip. Justeru itu, sesuatu kaedah terdiri daripada sesuatu siri tindakan yang sistematik dan tersusun untuk mencapai sesuatu matlamat. Kaedah ini melibatkan tindak balas antara guru dan murid (Rahil Mahyudin et al. 1997). Dalam konteks kajian, pengkaji telah menghuraikan secara mendalam berkaitan kaedah didik hibur bagi pelaksanaan pengajaran kemahiran membaca. Menurut Esah Sulaiman (2004), kaedah pengajaran merujuk kepada satu siri tindakan guru atau cara yang sistematik yang bertujuan untuk mencapai objektif pengajaran yang telah ditetapkan.

1.8.2 Pengajaran

Pengajaran merupakan satu proses yang melibatkan sistem aktiviti- aktiviti yang ditujukan kepada murid dengan tujuan membawa perubahan-perubahan tingkah laku dalam kalangan murid. Pengajaran ialah segala aktiviti seseorang untuk menghasilkan perubahan tingkah laku yang agak kekal dalam diri seseorang yang lain dan perihal mengajar, segala sesuatu yang berkaitan dengan mengajar. Kaedah pengajaran bermaksud tindakan-tindakan yang dilakukan oleh guru dalam mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran. Kaedah pengajaran adalah terdiri daripada beberapa langkah atau kegiatan yang mempunyai urutan yang tertentu. Kaedah pengajaran

merupakan cara yang digunakan untuk mengelola dan menggunakan teknik, isi pelajaran, dan alat bantu mengajar untuk mencapai objektif pengajaran. Kaedah pengajaran merupakan cara yang digunakan untuk mengelola dan menggunakan teknik, isi pelajaran, dan alat bantu mengajar untuk mencapai objektif pengajaran. Bagi kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah didik hibur secara lebih berfokus kepada teknik nyanyian, lakonan, bercerita dan permainan bahasa.

1.8.3 Kefahaman Guru

Dalam Kamus Dewan (1994), 'kefahaman' merujuk kepada perihal memahami apa yang difahami tentang sesuatu atau sejauh mana sesuatu itu difahami, atau tanggapan. Kefahaman guru terhadap sesuatu konsep akan memberi gambaran jelas terhadap tindakan, keputusan dan amalan dalam bilik darjah (Noraini, 2015). Shulman (1987) menyatakan "Satu jenis pengetahuan yang unik bagi seseorang guru dan ia berdasarkan kepada guru mengaitkan pengetahuan yang dimiliki kepada pengetahuan isi kandungan Integrasi kedua-dua jenis pengetahuan tersebut menghasilkan pengetahuan pedagogi isi kandungan. Justeru, dalam konteks kajian ini pengkaji akan mengkaji kefahaman guru terhadap penggunaan kaedah didik hibur dan kemahiran membaca daripada aspek konsep, ciri-ciri dan jenis-jenis dan penggunaannya dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran membaca bahasa Melayu tahap dua di SJK.

1.8.4 Pelaksanaan

Dalam konteks kajian ini, "pelaksanaan" akan dibincangkan merujuk kepada perihal perlaksanaan sesuatu perkara berdasarkan kaedah didik hibur pengajaran kemahiran membaca. Pelaksanaan Pdp merupakan satu siri tindakan guru yang sistematik, bertujuan untuk mencapai objektif pengajaran yang ditetapkan (Grant, Dean, Centre, & Losco, (2013). Melalui kajian ini, pengkaji akan memerihal dan menganalisis dengan lebih mendalam proses dan jenis-jenis aktiviti berdasarkan kaedah didik hibur semasa melaksanakan pengajaran dalam bilik darjah sehingga menghasilkan satu Pdp yang menyeronokkan dan berkesan.

1.8.5 Kemahiran Membaca

Membaca ialah satu tindakan komunikasi, iaitu satu proses berfikir yang melibatkan idea, kenyataan, dan perasaan yang disampaikan oleh penulis kepada pembaca melalui perantaraan lambang-lambang bahasa. Menurut Isahak Haron (2011) kemahiran membaca merupakan proses mengenal bunyi huruf, membina suku kata seterusnya membentuk perkataan yang bermakna serta membaca frasa dan ayat bermula dengan ayat mudah yang bertema sehingga kepada bentuk ayat yang lebih sukar. Menurut Nik Safiah Karim (2014), ayat terdiri daripada sekurang-kurangnya satu subjek dan satu predikat dan mengandungi makna yang lengkap. Kemahiran membaca melibatkan beberapa domain seperti mengecam bentuk huruf, menyebut bunyi huruf, menyebut suku kata, membaca perkataan yang bermakna dan seterusnya membaca ayat. Dalam konteks kajian ini, pengkaji akan memerihal penggunaan kaedah didik hibur dalam pengajaran kemahiran membaca mekanis dan mentalis.

1.8.6 Kaedah Didik Hibur

Kementerian Pendidikan Malaysia (2011) menyatakan ‘Didik’ membawa erti mengajarkan sesuatu pelajaran dalam konteks pengajaran dan pembelajaran manakala ‘Hibur’ dalam konteks pengajaran bermaksud pembelajaran yang menyenangkan atau menggirangkan serta berasa seronok. Kaedah ini dimasukkan dalam KSSR sebagai satu transformasi kurikulum. Mengikut Buku Penerangan KSSR (2016), didik hibur membawa maksud mendidik sambil menghibur, bersifat santai dan menyeronokkan. Didik hibur merupakan satu altenatif yang bersepada berbanding kaedah pengajaran tradisional. Penyataan ini disokong oleh Mazlan Ismail (2016), yang menyatakan didik hibur merupakan satu kaedah alternatif semasa pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dalam kemahiran membaca. Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) pula melihat didik hibur sebagai satu kaedah dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan secara terancang. Unsur keseronokan wujud melalui pengajaran yang santai, menarik, menghiburkan, bermakna dan memikat yang dapat membantu memperkuuh kefahaman dan merangsang murid untuk belajar.

1.8.7 VAKT

Pendekatan pembelajaran yang melibatkan kepelbaagaian deria seperti visual, auditori, kinestetik dan taktil (VAKT) merupakan elemen yang terkandung dalam kaedah didik hibur. Pendekatan kepelbaagaian deria dalam VAKT ini telah dapat merangsang otak murid kerana deria penglihatan, pendengaran, pergerakan dan sentuhan semasa proses pembelajaran berlangsung. Sepiah Mohd Noor dan Aliza Alias (2019), mendapati VAKT berjaya meningkatkan tahap pencapaian murid dalam kemahiran membaca. Penggunaan VAKT dalam kaedah didik hibur mampu meningkatkan tahap pengamatan murid dan memudahkan mereka untuk mengingati perkara yang dipelajari. Dalam konteks kajian ini, elemen visual, audio, kinestatik dan taktikal ini (VAKT) akan dirincikan dalam pelaksanaan pengajaran kemahiran membaca Bahasa Melayu di SJK.

1.8.8 Model Pembelajaran SAVI

Model pembelajaran merupakan rancangan pembelajaran yang dijadikan panduan untuk guru melaksanakan pengajaran. Menurut Joyce dan Weil 1980 (dalam Rusman, 2012:133) Model pembelajaran merupakan suatu rencana atau pola yang dapat digunakan untuk membentuk perkaitan dalam kurikulum dan bahan-bahan pembelajaran. Model Pembelajaran SAVI (Somatis, Auditori, Visual, dan Taktikal) oleh Dave Meier merupakan model pembelajaran yang menyediakan sistem secara lengkap untuk melibatkan elemen panca indera dan emosi. Proses belajar bagi model ini merupakan cara belajar secara alami. Kinestatik bermaksud belajar dengan bergerak dan berbuat, Auditori adalah belajar dengan bertutur dan mendengar, Visual erti belajar mengamati dan menggambar, dan taktikal erti belajar dengan menyelesaikan masalah dan menerangkan. Model Pembelajaran SAVI memaksimumkan penggunaan elemen panca indera, kognitif, afektif, dan psikomotor tergabung menjadi satu dalam proses pembelajaran dengan menggunakan Model SAVI. Menurut Spence dan Frings (2020), pendekataan VAKT ini adalah untuk sokongan pembelajaran yang lebih aktif

yang melibatkan interaksi murid dengan rangsangan VAKT dan membantu tahap tumpuan murid dalam mengingati apa yang mereka pelajari.

1.8.9 Pengajaran Guru Bahasa Melayu di SJK

Seorang guru bahasa Melayu terlatih hendaklah kompeten dalam empat bidang utama bagi menjadi seorang guru berkesan iaitu pemahaman teori-teori tingkah laku individu dan aplikasinya dalam pembelajaran, penguasaan ilmu kandungan mata pelajaran, penguasaan kaedah pengajaran, pengetahuan praktikal kendiri dan pemaparan suri teladan terhadap murid dan pengajaran. Menurut Cooper (2006), guru yang berkesan adalah guru yang mampu menghasilkan pembelajaran yang dihasratkan. Hasil pembelajaran murid adalah kayu pengukur keberkesanannya pengajaran guru. Seseorang guru bahasa Melayu perlu memiliki kepelbagaiannya teknik pengajaran bagi mengajar murid yang mempunyai latar belakang dan kebolehan yang berbeza. Kepelbagaiannya kaedah penyampaian guru akan menimbulkan keseronokan dan keberkesanannya dalam pengajaran. Pengetahuan praktikal kendiri merupakan tahap pengetahuan seorang guru mengenai situasi suasana dan konteks sebenar mereka bertugas. Ini merangkumi kefahaman, pemahaman dan kecenderungan seseorang guru yang membolehkan mereka berfungsi dengan berkesan. Penguasaan ilmu dalam mata pelajaran mengandungi dua aspek, iaitu bahan ilmu dan pemilihan bahan dalam pembelajaran yang sesuai. Ilmu pengetahuan perlu penggabungjalinan dengan kemahiran mengajar, iaitu kaedah mengajar yang sesuai dan difahami oleh murid. Dalam konteks kajian ini, guru bahasa Melayu hendaklah memahami dan menguasai DSKP kerana dalamnya terkandung elemen-elemen yang mesti disampaikan kepada murid. Termasuklah standard kurikulum, kemahiran bahasa, sistem bahasa, pengisian kurikulum, dan strategi pengajaran dan pembelajaran berkaitan standard kandungan dan standard pembelajaran kemahiran membaca.


1.8.10 Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK)

Pendidikan sekolah rendah adalah wajib bagi murid-murid selama enam tahun. Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) merupakan sekolah rendah kerajaan atau sekolah rendah bantuan kerajaan yang menyediakan pendidikan rendah yang sesuai bagi murid berumur enam tahun. Terdapat dua jenis SJK iaitu Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). SJK merupakan sekolah bantuan kerajaan. Kurikulum dan bahan bantu mengajar adalah berdasarkan kurikulum kebangsaan yang berdasarkan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Penubuhan SJK bermula apabila terdapat permintaan daripada kaum Cina dan India di Malaysia untuk mengekalkan penggunaan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar serta pengamalan budaya kaum tersebut. Demikian dinyatakan dalam Laporan Fenn Wu (1951).

Namun demikian, Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan dalam kajian ini adalah sekolah di bawah KPM, yang terdiri daripada dua jenis sekolah iaitu Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). SJKC menggunakan bahasa Mandarin sebagai bahasa pengantar di sekolah. Semua mata pelajaran kecuali Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Pendidikan Islam diajar dengan menggunakan bahasa


Cina. Buku teks juga disediakan dalam bahasa Cina. Demikian juga bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT), menggunakan bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar di sekolah. Semua mata pelajaran kecuali Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Pendidikan Islam diajar dengan menggunakan bahasa Tamil. Namun demikian, disebabkan bahasa Melayu adalah bahasa kebangsaan, mata pelajaran ini dijadikan mata pelajaran teras dan wajib dipelajari oleh semua murid. Kurikulum Bahasa Melayu di SJK memberikan penekanan kepada empat kemahiran dalam bahasa, iaitu kemahiran mendengar, bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis.

1.9 Kerangka Teorikal Kajian



Rajah 1.4 : Kerangka Teorikal Kajian

1.10 Kerangka Konsep Kajian



Rajah 1.5 : Kerangka Konsep Kefahaman Pelaksanaan Dan Kesesuaian Kaedah Didik alam Pengajaran Kemahiran Membaca Bahasa Melayu

1.11 Rumusan

Secara keseluruhannya, berdasarkan perincian dan analisis maklumat daripada latar belakang kajian dan pernyataan masalah, pengkaji akan mengkaji kefahaman guru bahasa Melayu dalam kaedah didik hibur dan kefahaman guru dalam kemahiran membaca. Seterusnya pengkaji akan melihat pelaksanaan kaedah didik hibur tersebut melalui aplikasi elemen dan ciri-ciri didik hibur serta kaedah mengajar dalam melaksanakan pengajaran kemahiran membaca. Maka, kajian ini merupakan usaha pengkajian yang sesuai mengikut keperluan semasa. Segala input dan penemuan yang diperolehi dari kajian ini akan membantu guru-guru bahasa Melayu khususnya meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran demi memenuhi hasrat KPM melahirkan murid seperti yang terkandung dalam 6 Aspirasi Murid yang dihasratkan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM).

RUJUKAN

- A.Rahman Haron, Jamaludin Badusah, & Zamri Mahamod. (2015). Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam SALAK DIDIK dengan elemen nyanyian dan elemen pantun. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)* ISSN: 2180-4842. 5(1) (Mei 2015): 53-60.
- Abdul Hamid Mahmood. (1990). “Dialek Terengganu: Satu Tinjauan Ringkas” dalam *Jurnal Dewan Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rasid Jamian & Zulkafli Abu Zarin. (2008). Keupayaan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid sekolah rendah kebangsaan luar bandar. Kertas kerja di Konvensyen Pendidikan Nasional 2008. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Abdul Rasid Jamian & Hasmah Ismail. (2013). Pelaksanaan pembelajaran menyeronokkan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa melayu ;Malay Language Education (MyLEJ)*, ISSN 2180-4842. 3 (2). pp. 49-63.
- Abdul Rasid Jamian & Nurfatih Nabihah Baharom. (2018). Kesan Penggunaan Teknik KW LH Kemahiran Membaca dalam Kalangan Murid Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Universiti Putra Malaysia. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)*. ISSN: 2180-4842. 8(2) (Nov. 2018): 48-56 .
- Abdul Rasid Jamian, Nurul Nadiah Razali & Shamsudin Othman. (2016). Pengaplikasian Teknik Didik Hibur Meningkatkan Pelaksanaan Pembelajaran Menyeronokkan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Pencapaian Penulisan Karangan Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 41(1)(2016): 39-45.
- Abdul Rasid Jamian, Nurul Nadiah Razali & Shamsudin Othman. (2016). Pengaplikasian Teknik Didik Hibur Meningkatkan Pencapaian Penulisan Karangan Bahasa Melayu. Jurnal Pendidikan Malaysia. Jld. 41 (1), hal. 39-45. Dimuat turun pada 26.4.2021 dari <http://journalarticle.ukm.my/10456/1/14039-38533-1-SM.pdf>.
- Abdul Rasid Jamian, Shamsudin Othman & Humaizah Hashim. (2012). Persepsi guru terhadap penggunaan kartun dalam transformasi pengajaran penulisan karangan bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 2(1): 129-140.
- Abdul Rasid Jamian. (2019). *Pembelajaran Bahasa Berkesan*. Universiti Putra Malaysia.
- Abdul Rasid Jamian. (2011). *Permasalahan Kemahiran Membaca Dan Menulis Bahasa Melayu Murid-murid Sekolah Rendah Luar Bandar*. Universiti Putra Malaysia.

- Abdul Said Ambotang. (2018). Kepentingan membaca dalam kalangan murid. *Utusan Borneo*. Diperoleh pada Disember 7, 2022 dari <https://www.pressreader.com/malaysia/utusan-borneo-sabah/20181004/281835759642340>.
- Abdull Sukor Shaari & Kalaidevi Aplanaidu. (2012). Kesan Pendekatan Pembelajaran Masteri Terhadap Pencapaian Kemahiran Membaca Bahasa Melayu Murid Pemulihian Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ) ISSN: 2180-4842*. 2(2) (Nov. 2012): 92-103.
- Affero, Ismail & Kusnun, Mohd. (2016). Penerapan Kaedah Didik Hibur Terhadap Motivasi Belajar Di Kalangan Murid Di Sebuah Sekolah Rendah Daerah Kluang.
- Ahmad Dahlan, Abdul Halim, Abidah & Mohd Arif (2005). *Kajian Tinjauan Tahap Kebolehan Membaca Murid Tahun 6 Sekolah-sekolah Rendah Negeri Selangor*. Unit Penyelidikan dan Penilaian, Pusat Sumber Negeri Selangor (PSPN).
- Aini Hassan. (2001). Pelbagai kaedah pengutipan dan penganalisisan data pengetahuan guru. Dlm. Marohaini Yusoff. *Penyelidikan kualitatif pengalaman kerja lapangan kajian*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Akin, F., Koray, O. & Tavukcu, K. (2015). How Effective is Critical Reading in the Understanding of Scientific Texts? *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, Jld 174, hal. 2444-2451. Diperoleh pada November 25, 2021 dari: https://www.researchgate.net/publication/277651793_How_Effective_is_Critical_Reading_in_the_Understanding_of_Scientific_Texts.
- Aliza Ali, & Zamri Mahmod. (2015). Pembangunan modul pendekatan bermain bagi pengajaran dan pembelajaran kemahiran bahasa kanak-kanak prasekolah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 3(1), 1-8.
- Altman, B. (1986). Working with Play. *The Child Care Worker*. Jld. 4 (8), hal 10-12. Diperoleh pada November 25, 2021 dari <https://cyc-net.org/cyc-online/cycol-0102-altman.html#:~:text=Herbert%20Spencer%20suggested%20a%20%E2%80%9Csurplus,which%20is%20rechannelled%20into%20play>.
- Alyaz, Y. & Genc, Z. S. (2016). Digital Game-based Language Learning in Foreign Language Teacher Education. *Turkish Online Journal of Distance Education-TOJDE*. Jld. 17 (4), hal. 130 - 146. Dimuat turun pada November 25, 2021 dari <https://files.eric.ed.gov/fulltext/EJ1116837.pdf>.
- Amin Senin. (2008). *Pembangunan Profesional Guru*. Utusan Publication dan Distributor Sdn. Bhd.
- Aminudin Adam. (2015). Hala Tuju Pendidikan Johor, Jabatan Pendidikan Negeri Johor. *Buku Laporan Tahunan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2014)*. Kementerian Pendidikan Malaysia.

- Amir Awang. (1979). *Kelemahan Membaca Di kalangan Kanak-kanak*. Dalam Dewan Masyarakat. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anderson, T. I. (2019). Jean Piaget - 1974. Kappa Delta Pi. Dimuat turun pada 26.4.2021 dari <https://www.kdp.org/aboutkdp/laureates/piagetjean.php>.
- Ang James J.E. & Lim S.N. (2019). *Guru Sebagai Pakar, Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Abad ke-21*. PTS Media Group Sdn. Bhd.
- Anindyarini, A., Rokhman, F., Mulyani, M., & Andayani., A. (2018). Behavioristic Theory and Its Application in the Learning of Speech. *KnE Social Sciences*. Jld. 3(9), hal. 522–530. Dimuat turun pada 26.4.2021 dari <https://knepublishing.com/index.php/KnE-Social/article/view/2714/5854#toc>.
- Anisah Anuar @ Yong Hui. (2010). *Memperbetulkan tulisan huruf kecil "k" dan "s" murid Tahun Tiga menggunakan Lembaran Kerja Garisan Berkembar Tiga dibantu oleh Carta Huruf dan Kaedah Ansur Maju*. Buku Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan IPG KBL, 37-54.
- Arabsolghar, F. & Elkins, J. (2001). Teachers' expectations about students' use of reading strategies, knowledge and behaviour in Grades 3, 5 and 7. *Journal of Research in Reading*. Jld. 24(2), hal. 154 - 162. Dimuat turun pada 26.4.2021 dari https://www.researchgate.net/publication/227501566_Teachers'_expectations_about_students'_use_of_reading_strategies_knowledge_andBehaviour_in_Grades_3_5_and_7.
- Ari, G. (2017). Basic Concepts of Reading Instruction. *International Journal of Languages Education 1*, Jld 5 (4), hal. 484-503. Dimuat turun pada November 25, 2021 dari https://www.researchgate.net/publication/322015906_Basic_Concepts_of_Reading_Instruction
- Arsaythamby Veloo & Arumugam Raman. (2015). *Kaedah Analisis dan Interpretasi Data*. Universiti Utara Malaysia, UUM Press.
- Awang Sariyan. (2000). *Warna dan suasana perancangan bahasa Melayu di Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang, Mohd Izham Mohd Hamzah, Ruhizan Mohamad Yasin & Ramlee Mustapha. (2017). Pedagogi responsif budaya dalam pengajaran sejarah untuk persekitaran pembelajaran bilik darjah pelbagai budaya. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*. Jilid 18.
- Awatif Abdul Rahman, Muhammad Khairi Mahyuddin, Hairun Najuwah Jamali, Ku Fatahiyah Ku Azizan, & Siti Nurhajariah Mat. (2017). Teori Skemata Melalui Penggunaan Bahan Bacaan: Satu Proses Interaktif. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah Special Issue e-ISSN: 2289-8042*.

Azizi Yahaya, Shahrin Hashim dan Yusof Boon (2008). Psikologi Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia Malaysian Book Publishers Association. Diperoleh pada 26.4.2021 dari www.penerbit.utm.my

Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boom & Abdul Ramih Hamdan. (2007). *Menguasai penyelidikan dalam pendidikan*. Teori, analisis dan interpretasi data. PTS Publication.

Baharudin, R., Nayan, N., Fathil, N. S., Mohd Noor, A. S., Abd Hamid, S., Uyub, A., & Hasan, A. H. (2019). Pembangunan Perisian Multimedia Interaktif: Seni Anyaman Melayu: Development Interactive Multimedia Software: Malay Woven Art. *Journal of ICT in Education*, 1, 73–86. Diperoleh pada Disember 7, 2022 daripada <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JICTIE/article/view/2593>.

Batik Bidin. (2011). *Stail pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan pelajar peribumi di Sarawak*. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.

Benjafied, J. G. (1997). Cognition (2nd ed.). Prentice-Hall, Inc.

Betty D. Roe & Sandy H. Smith. (2012). *Teaching reading in today's elementary schools*. Eleventh edition. Wadsworth, Cengage Learning.

Bintz,W.P. (1997). *Exploring reading nightmares of middle and secondary school teachers*. Dalam *Journal of Adolescent & Adult Literacy*, 40(1), 12-24. DE. Diperoleh November 25, 2020 daripada <http://www.ascd.org>.

Block, M.G., & Casey A.M. (2001). *Developing a Minnesota Reading Initiative to Promote Early Literacy*. Minnesota: Produced by Communication and Educational Technology Services, University of Minnesota Extension Service.

Blömeke, S., Olsen, R.V. & Suhl, U. (2016). *Relation of Student Achievement to the Quality of Their Teachers and Instructional Quality*. Dalam T. Nilsen & J. E. Gustafsson (peny.) Teacher Quality, Instructional Quality and Student Outcomes. IEA Research for Education. Jld. 2. Springer, Cham. Dimuat turun pada November 25, 2021 daripada <https://core.ac.uk/download/pdf/81603168.pdf>.

Bloodgood J.W. (1999). What's in a name? Children's name writing and literacy acquisition. *Reading Research Quarterly*. 34(3), 342-367.

Bloom, B. S., Engelhart, M. D., Furst, E. J., Hill, W. H., & Krathwohl, D. R. (1956). *Taxonomy of educational objectives: Handbook I (Cognitive Domain)*. Longman.

Bogdan, Robert, C. & Biklen, Sari, K. (2003). *Qualitative research for education: An introduction to theories and methods*. (4th Ed.). Allyn and Bacon.

Booth, R. W. & Weger, U. W. (2013). The Function of Regressions in Reading: Backward Eye Movements Allow Rereading. *Memory & Cognition*. Jld. 41, hal. 82–97. Dimuat turun pada November 25, 2021 dari <https://link.springer.com/article/10.3758/s13421-012-0244-y#Sec4>.

- Boroditsky, L. (2001). *Does Language Shape Thought?: Mandarin and English Speakers' Conceptions of Time*. *Cognitive Psychology*, Jld. 43, hal. 1–22. Dimuat turun pada November 25, 2021 dari <http://lera.ucsd.edu/papers/mandarin.pdf>.
- Bryan Coombs. (2013). *Mengajar Secara Efektif - Siri Kepimpinan dan Pengurusan Sekolah terjemahan* (Successful Teaching – A Practical Handbook). Institut Terjemahan dan Buku Malaysia Berhad.
- Burkins, J.M. (2020). Teacher Read-Aloud That Models Reading for Deep Understanding. Diperoleh pada November 25, 2021 dari <http://www.readwritethink.org/professional-development/strategy-guides/teacher-read-aloud-that-30799.html>.
- Calhoun & Emily F.(1999). *The Picture – Word Inductive Model, Developing Literacyacross the Curriculum (Chapter 5)*. In Teaching Beginning Reading and Writing with the Picture Word Inductive Model, ASCD.
- Cancer, A. , Stievano, G., Pace, G., Colombo, A. & Antonietti, A. (2019). Cognitive Processes Underlying Reading Improvement during a Rhythm-Based Intervention. *A Small-Scale Investigation of Italian Children with Dyslexia. Children (Basel)*. Jld. 6(8), hal. 91-99. Dimuat turun pada November 25, 2021 dari <https://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/articles/PMC6721349/>.
- Cantrell, S. C., Almasi, J. F., Carter, J. C., Rintamaa, M., & Madden, A. (2010). The impact of a strategy-based intervention on the comprehension and strategy use of struggling adolescent readers. *Journal of Educational Psychology*, 102(2), 257–280. <https://doi.org/10.1037/a0018212>
- Celinea Lasan. (2018). *Amalan Pembelajaran Kemahiran Membaca Bahasa Melayu Dalam Kalangan Murid Peribumi Bidayuh*. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Center for Teaching. (tanpa tarikh). What Are the Benefits of Reading Aloud? Dimuat turun pada November 25, 2021 dari https://teach.its.uiowa.edu/sites/teach.its.uiowa.edu/files/docs/docs/What_are_the_Benefits_of_Reading_Aloud_ed.pdf.
- Che Zanariah Che Hassan & Fadzilah Abd Rahman. (2011). Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Vol. 1: 67-87.
- Chew, F. P. (2016). Masalah Pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan Murid Cina Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM*. Jld. 6 (2), hal. 10-22. Dimuat turun pada November 25, 2021 dari <http://journalarticle.ukm.my/10190/1/113-222-1-SM.pdf>.
- Ching, M. C. C., Norazah, M. N. & Jamaludin, B. (2018). Penggunaan Kaedah Didik Hibur melalui Permainan Interaktif dalam Pembelajaran Bahasa Melayu. Diperoleh pada November 25, 2021 dari <https://docplayer.info/120449475->

Penggunaan-kaedah-didik-hibur-melalui-permainan-interaktif-dalam-pembelajaran-bahasa-melayu.html.

Christie, J. F. & Roskos, K.A. (2009). Play's potential in early literacy development. Encyclopedia on early childhood development (online). Centre of Excellence for early childhood development. Diperoleh pada Disember 7, 2022 daripada <http://www.childencyclopedia.com/documents/ChristieRoskosANGxp.pdf>.

Chua, Y. P. (2014). Kaedah dan statistik penyelidikan buku 5: Ujian regresi, analisis faktor dan analisis SEM. *Selangor*, McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd.

Claxton, G. & Carr, M. (2004). A framework for teaching learning: the dynamics of disposition. Early Years. Jld. 24, (1), hal. 87 - 97. Dimuat turun pada November 25, 2021 dari https://www.researchgate.net/publication/254837964_A_framework_for_teaching_learning_The_dynamics_of_disposition.

Clay, M.M. (1977). *When did I write?*. Hememann.

Cohen,V.L. and Cowen, J.E. (2011). *Literacy for Children In An Information Age: Teaching Reading, Writing, and Thinking Second Edition*. Wadsworth, Cengage Learning, United Stated of America.

Common Core State Standards Initiative (2012). English Language Arts Standards – Reading: Foundational Skills (Grade 1 – Grade 5). Diperoleh Dimuat turun pada November 25, 2021 dari <http://www.corestandards.org/ELA-Literacy/RF/5/>.

Cook, Guy W.D. (1990) *A theory of discourse deviation : the application of schema theory to the analysis of literary discourse*. PhD thesis, University of Leeds.

Cooper, J.M. 2006. The Teacher As a Reflective Decision Maker. Dlm Cooper, J.M. (pynt.) *Classroom Teaching Skills*. Hlm 1-19. Houghton Mifflin Company.

Creswell J.W. (2003). *Research Design Qualitative, Quantitative and Mixed Method Approaches*. Sage Publications.

Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2016). Qualitative Inquiry & Research Design: Choosing among Five Approaches. Sage Publications.

Czarnecki, Jeffrey & Hill, Michelle. (2018). Schemata and Instructional Running head: SCHEMATA Schemata and Instructional Strategies. The EvoLLLution.

Dapa, A. N. & Kiriweno, H. B. A. (2019). How to Implement the Savi Learning Model for Students with Reading Difficulties. *Universal Journal of Educational Research. Jld. 7(9A)*, hal. 44 - 55. Dimuat turun pada November 25, 2021 dari <https://www.hrupub.org/download/20190830/UJERS6-19590735.pdf>.

David, M.K. dan L..Norazit.(2000). *Selection Of Reading Texts: Moving Beyond Content Schema*. Literacy Across Cultures(Spring/Summer).

- Demirezen, M. (1988). Behaviorist Theory and Language Learning. Hacettepe Vniversitesi. 3, hal 135 - 140. Diperoleh pada November 25, 2021 dari <https://vdocuments.mx/behaviourist-theory-and-language-learning.html>.
- Demirezen, M. (1989). Mentalistic Theory and Language Learning. Hacettepe Vniversitesi. 5, hal 153 - 160. Dimuat turun pada November 25, 2021 dari <http://efdergi.hacettepe.edu.tr/yonetim/icerik/makaleler/1473-published.pdf>.
- Denac, O. & Znidarsic, J. (2018). The Use of Folk Music in Kindergartens and Family Settings. Creative Education. Jld 9 (16). Diperoleh pada November 25, 2021 dari https://www.scirp.org/html/16-6304193_89492.htm
- Dk Yusimah, P. A. (2014). A study of teachers' strategies so develop students' interest towards learning English as a second language. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*. Jld. 134, hal. 188 – 192. Dimuat turun pada November 25, 2021 dari <https://core.ac.uk/download/pdf/82724361.pdf>.
- Dobrescu, L., Holden, R., Motta, A., & Wong, C. (2016). Fun in Education. SSRN. <https://doi.org/10.2139/ssrn.2772371>
- Druin, A., & Solomon, C. (1996). *Designing multimedia environments for children: Computers, creativity and kids*. Wiley.
- Dzanic, N. D. & Pejic, A. (2016). *The Effect of Using Songs On Young Learners and Their Motivation for Learning English*. NETSOL New Trends in Social and Liberal Sciences. Jld. 1(2), hal. 40-54. Dimuat turun pada November 25, 2021 dari https://www.researchgate.net/publication/312054146_The_Effect_of_Using_Songs_On_Young_Learners_and_Their_Motivation_for_Learning_English.
- Echeverri Acosta, L. M. & McNulty Ferri, M. (2010). Reading Strategies to Develop Higher Thinking Skills for Reading Comprehension. *PROFILE*. Jld. 12 (1), hal. 107-123. Dimuat turun pada November 25, 2021 dari <https://files.eric.ed.gov/fulltext/EJ1051527.pdf>.
- Edmonds, R. (2017). It's Pedagogy Go with Location-based Mobile Learning at the University of South Australia. *Ed News Daily*. Diperoleh pada November 25, 2021 dari <http://www.ednewsdaily.com/its-pedagogy-go-with-location-based-mobile-learning-at-the-university-of-south-australia/>.
- Elaine K. McEwan-Adkins. (2010). *40 Reading Intervention Strategies for K-6 Students*. 555 North Morton Street, Bloomington, IN47404. Solution Tree Press. United States of America.
- Esah Sulaiman, (2004). Pengenalan Pedagogi. Universiti Teknologi Malaysia.
- Everatt, J & Masturi Isa. (2008). *Membaca dan disleksia: Proses Penglihatan dan perhatian*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad. Smart Print and Stationer Sdn Bhd.

- Fadzilah Abd Rahman dan Norazlina Mohd Kiram. (2015). *Bahasa Melayu Sebagai bahasa Negara Bangsa: Kepentingan Melaksanakan Ujian Kecekapan Bahasa Melayu*. Mahawangsa 2(1): 15-28 (2015).
- Fahrinay, F. (2014). Schema Theory in Reading Class. *Indonesian Journal of English Education. Jld. 1 (1)*. Dimuat turun pada November 25, 2021 dari <http://journal.uinjkt.ac.id/index.php/ijee/article/view/1192#:~:text=It%20is%20a%20process%20of,the%20building%20blocks%20of%20cognition>.
- Fatimah, P. (2020). Creativity and Innovation in Teaching and Learning, Supervision and Assessment. Diperoleh pada November 25, 2021 dari <https://people.utm.my/fatima/innovation-and-creativity-in-teaching-and-learning-approach/>.
- Fernald, G. (1943). *Remedial techniques in basic school subjects*. New York: McGraw-Hill.
- Gail E. Tompkins. (2003). *Literacy for the 21st Century, Teaching Reading and Writing in Pre-Kindergarten Through Grade 4*. Pearson Education, Inc.
- Galaczi, E. (2018). Benefits of testing the four skills (reading, listening, writing and speaking). Cambridge Assessment English. Diperoleh pada November 25, 2021 dari <https://www.cambridgeenglish.org/blog/benefits-of-testing-the-four-skills/>.
- Gallingham, A.. & Stillman, H. (1970). *Remedial Training for Children and Sesific Disability in Reading, Spelling and Penmanship*. (7th ed.). Cambridge, Mass; Educators Publishing Service.
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. (2016). Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan, Amalan dan Analisis Kajian. Universiti Malaya.
